

Jilid III
Bil. 44

Hari Isnin
28hb November, 1977



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 5007]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kedua) —

Jadual —

Kepala B. 15 [Ruangan 5031]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1978:

Jawatankuasa (Hari Kedua) —

Kepala P. 15 [Ruangan 5031]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K.,
P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S.
(Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SERI HAJI HAMZAH BIN
DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI,
P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI
BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI
ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K.
(Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF,
P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI,
D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A.,
P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K.,
P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK SRI MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATUK CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

„ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).

„ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

„ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).

„ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).

„ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).

„ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).

„ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).

„ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

„ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).

- Yang Berhormat TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD, BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

- Yang Berhormat TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ DATUK LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK. O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK. P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N., (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).

Yang Berhormat TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).

- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.,
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K. A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu
Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy
Louis Yeoh Sim Ngoh
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof
Margaret Chye Kim Lian
Puan Ng Chong Kin
Puan Kong Yooi Thong
Juliah binti Awam
Supiah binti Dewak
Ismail bin Hassan
Shamsiah binti Mohd. Yusof
Kalsom binti Ghazali

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 28hb November, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

HARGA BARANG-BARANG

1. **Datuk Haji Shafie bin Abdullah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah perundingan-perundingan dibuat atau diadakan oleh Kementerian dengan agensi-agensi Kerajaan dan Persatuan-persatuan Pengguna sebelum membenarkan sebarang kenaikan harga barang-barang keperluan mustahak dan adakah Kementerian beliau mengalami kesukaran dalam menghadapi masalah kenaikan harga yang melampau itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian ada mengawasi kedudukan harga barang-barang keperluan demi kepentingan pengguna-pengguna di negara ini. Oleh yang demikian satu jawatankuasa khas, iaitu Jawatankuasa Kajian Semula Harga telah ditubuhkan di Kementerian ini untuk memproses, mengkaji dan menimbangkan permohonan-permohon-

an kenaikan harga oleh pengeluar-pengeluar tempatan yang diwajibkan mendapat kebenaran daripada Kementerian ini terlebih dahulu sebelum menaikkan harga keluaran mereka. Jawatankuasa Kajian Semula Harga tersebut adalah dianggotai oleh pegawai-pegawai dari Kementerian/Jabatan Kerajaan berkenaan dan juga wakil-wakil daripada Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan. Selain daripada itu, Kementerian ini sentiasa menyelaras dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti FAMA, Majuikan, Majuternak dan Jabatan Haiwan mengenai harga barang-barang keperluan seperti sayur-sayuran, ikan, daging dan telur ayam. Perbincangan-perbincangan juga telah dijalankan dengan wakil-wakil Persatuan-persatuan Pengeluar dan dewan-dewan perniagaan untuk mendapatkan kerjasama memastikan harga yang munasabah terutama sekali pada musim perayaan.

Sehingga hari ini, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian ini belum mengalami apa-apa masalah besar mengenai kenaikan harga, yang tidak dapat diatasi melalui perbincangan-perbincangan dengan pihak swasta.

Tuan Mohamed Soptee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak Kementerian menganggap ikan sebagai satu benda yang perlu dan adakah cara-cara dipertimbangkan untuk menstabilkan harga ikan ini dan adakah boleh kita dapat satu-satu sebab kenapa harga ikan yang murah seperti ikan kembung itupun dalam seminggu dua ini telah meningkat dari \$1.20 sekati menjadi sehingga \$1.80 sekati.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikatakan ikan sebagai makanan yang perlu, itu saya akui, tetapi kalau hendak disebutkan ikan sebagai barang yang telah disenaraikan sebagai barang perlu, ini belum lagi. Memang masalah harga ikan ini pada ketika-ketika tertentu memang ada disebabkan oleh bekalan dan bekalan ini kadangkala disebabkan adanya eksport daripada bahan-bahan itu ke tempat lain. Apa yang menjadi masalah sekarang ialah samada kita dapat membekalkan ikan ini dengan secukupnya di dalam negara kita. Kalau hendak kita bekalkan dengan cukup maka ini kita terpaksa menghalang eksport. Tetapi kalau ini dibuat, mungkin ini akan mendatangkan kepayahan kepada nelayan-nelayan kita yang juga mengharapkan harga yang baik daripada hasil keluaran mereka.

Setakat ini dari segi masalah hendak menentukan bahawa bekalan ikan dalam negara ini cukup, saya fikir perkara ini sedang diambil tindakan oleh Majuikan sendiri. Apa yang menjadi masalah kepada Kementerian ini ialah samada harga ikan itu ada pada paras yang mampu dibeli oleh orang ramai atau harganya terlalu tinggi sehingga ia di luar kemampuan orang ramai. Dari segi itu Kementerian ini memang ada mengambil tindakan daripada semasa ke semasa untuk menentukan bahawa harga barang-barang yang ada itu tidaklah melambung terlalu tinggi sehingga di luar daripada kemampuan orang ramai.

Datuk Haji Shafie bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pada pandangan Kerajaan bahawa Persatuan Pengguna-pengguna atau Kesatuan-kesatuan sebagainya itu dapat dan telah memainkan peranan yang berguna sekali untuk melegakan perasaan pengguna-pengguna dalam aspek kenaikan harga barang ataupun sebaliknya menjadi masalah kepada Kerajaan?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak. Malah se-

lama ini Persatuan Pengguna-pengguna Kebangsaan memang telah banyak memberikan kerjasama mereka kepada Kementerian ini terutama di dalam membincangkan masalah-masalah yang ada demi kepentingan orang ramai dan telahpun mengemukakan banyak pandangan-pandangan yang berguna yang telahpun dapat dilaksanakan oleh Kementerian ini daripada semasa ke semasa. Sebenarnya, kerjasama mereka kepada Kementerian ini selama ini adalah baik dan walaupun ada masalah sebagaimana yang dianggap oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya fikir bukanlah masalah yang boleh merosakkan keadaan atau boleh menimbulkan masalah-masalah yang lain.

RANCANGAN BEKALAN AIR LUAR BANDAR

2. Wan Zainab binti M.A. Bakar (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau ada rancangan untuk membuat perigi yang dalam di kampung-kampung dan tempat-tempat yang selalu kekurangan air. Jika ya, bila dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian saya diberi peruntukan sebanyak \$100 juta untuk Rancangan Bekalan Air Luar Bandar dan peruntukan ini ialah 20 kali ganda peruntukan yang diberi di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Dengan peruntukan ini, Kementerian saya akan menyediakan bekalan air yang 'treated' melalui paip-paip dan tidak secara membuat perigi-perigi. Bekalan ini didapati lebih 'reliable' terutama di musim kemarau oleh kerana bekalan ialah daripada satu sumber dan juga ditreated untuk kegunaan umum. Masalah kekurangan bekalan air biasanya timbul di musim kemarau dan dalam keadaan ini mereka yang menggunakan perigilah yang menghadapi kesukasan mendapat bekalan air.

Perlu dimaklumkan di setengah negeri di Semenanjung Malaysia seperti di Kelantan, Trengganu dan Perlis, kajian-kajian 'hydrogeological' telah dijalankan di negeri-negeri tersebut. Adalah didapati bekalan air yang 'reliable' boleh didapati dari perigi-perigi dan di setengah-setengah kawasan bekalan air disalurkan dari perigi-perigi. Di lain-lain negeri, kajian-kajian tersebut juga telah dibuat dan tidak ada bekalan air yang 'reliable' boleh didapati dari perigi-perigi. Oleh itu Kementerian saya hanya akan menggunakan perigi-perigi sebagai sumber bekalan air sekiranya bekalan ini didapati 'reliable'.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:

Tuan Yang di-Pertua, dengan berita baik yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa wang peruntukan telah ditambah begitu banyak, bolehkah pihak Kerajaan memberi perakuan pada masa akan datang berkenaan dengan bekalan air ke kampung-kampung supaya tidak lagi bergantung kepada dasar yang masih dipegang sekarang di mana ada kumpulan-kumpulan kampung kecil tidak dibekalkan air kerana dikatakannya perbelanjaan untuk memasukan saluran air itu tidak ekonomik. Sekiranya dengan bertambahnya peruntukan wang itu dapat diberi layanan istimewa kepada orang-orang kampung supaya dapat saluran itu walaupun pada permulaannya tidak ekonomik, kalau ada kemungkinan potential di masa akan datang dengan bertambahnya penduduk-penduduk kampung itu akhirnya akan menjadi ekonomik juga.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas sedia maklum biasanya recommendation untuk projek-projek bekalan air luar bandar dikemukakan oleh Kerajaan Negeri. Biasanya Kerajaan Pusat mengikut priorities yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, saya haraplah Ahli Yang Berhormat itu dapat memberikan cadangan-cadangan yang beliau rasa perlu kepada Kerajaan Negeri supaya menerusi Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat dapat memberi pertimbangan

yang sepatutnya kepada kampung-kampung yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan betapa besarnya peruntukan yang diberi kepada Kementerian yang berkenaan untuk memberi air kepada luar bandar, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar keadaan sekarang ini di negeri Pulau Pinang ada tindakan untuk memberhentikan public stand-pipe yang sedang ada di kawasan-kawasan luar bandar. Kalau sedar, bolehkah beliau memberi jaminan bahawa tindakan curang ini tidak akan berlaku?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh sedia maklum tanggungjawab atas public stand-pipe terletak pada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, saya sendiri sebagai seorang Wakil Rakyat pun bersetuju dengan pendapat beliau. Akan tetapi oleh kerana ini terletak di luar jagaan Kementerian saya, maka saya cuma boleh menghubungi dengan Kerajaan Negeri dan memberitahu maklumat cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya menerusi Majlis Tindakan Daerah masing-masing dikemukakan permohonan kepada Kerajaan Negeri dan sekiranya Kerajaan Negeri beri pula jawapan yang sebabnya tidak dapat menunaikan permintaan tentang bekalan air untuk kampung itu ialah soal duit, soal peruntukan, adakah kita boleh harap yang Kerajaan Pusat menerusi Kementerian Yang Berhormat akan memberi pertolongan dan perakuan memperbekalkan perbelanjaan dan peruntukan secukupnya sebagaimana diminta menerusi Kerajaan Negeri itu?

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tentu boleh maklumkan kepada pihak yang berkenaan kalau ada rayuan daripada Ahli Yang Berhormat itu.

PEMELUK UGAMA ISLAM

3. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa banyak orang-orang bukan Islam yang memeluk agama Islam sedang menjadi pengerusi. Sejauh manakah tindakan yang diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am (Tuan Patrick Anek Uren): Tuan Yang di-Pertua, dari pengalaman Kementerian Kebajikan Am sewaktu menjalankan rancangan-rancangan mencegah pengemis jarang sekali didapati orang-orang asing yang memeluk Uagama Islam menjadi peminta sedekah. Di dalam semua Rumah Orang-orang Tua, Kementerian Kebajikan Am seramai 2,715 penghuni hanya ada tiga orang sahaja orang asing dan di antaranya pula cuma dua orang sahaja yang beragama Islam.

Satu undang-undang yang bernama Akta Orang-orang Papa, 1977 telahpun diluluskan oleh Dewan ini dan dikuatkuasakan mulai 15hb November, 1977 di mana peraturan-peraturan bagi memasukkan orang-orang papa yang didapati di tepi-tepi jalan ataupun di luar tempat ke dalam rumah kebajikan telah diperkemas. Dengan adanya perbekalan ini tindakan boleh diambil bagi membersihkan jalanraya-jalanraya dari orang-orang papa samada mereka warganegara Malaysia atau orang asing.

SYARIKAT PERKAPALAN KEBANGSAAN MALAYSIA (MISC)

4. **Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Perdana Menteri menerangkan perkara perjawatan di dalam Syarikat Perkapalan Kebangsaan Malaysia (MISC):—

(a) jumlah bilangan Eksekutif dari semua kaum dan bahagian-bahagian di mana mereka berkhidmatan, iaitu seperti di

Bahagian Pengurusan Liner, Bahagian Container Service dan lain-lain; dan

(b) jumlah Eksekutif dari mereka yang bukan warganegara Malaysia dan jawatan serta Bahagian-bahagian mereka berkhidmat.

Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), jumlah Eksekutif dari semua kaum di Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) pada 30hb September, 1977 adalah 77 orang, terdiri dari 38 orang Melayu, 31 orang Cina, 7 orang India dan 1 orang Serani. Mereka bertugas di Bahagian-bahagian seperti berikut:—

Jabatan/Bahagian	Melayu	Cina	India	Lain-lain
1. Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran (General Manager's Department)	3	6	—	—
2. Bahagian Urusetia dan Perundangan (Secretarial & Legal Affairs Division)	1	3	—	—
3. Bahagian Kewangan dan Perancangan (Finance & Planning Division)	5	4	2	—
4. Bahagian Personel (Personnel Division)	3	—	1	—
5. Bahagian Insuran (Insurance Division)	2	—	—	—
6. Bahagian Hal Ehwal Am/ Pembangunan Harta (General Affairs/Property Development Department)	2	—	—	—
7. Bahagian Perkhidmatan Teknik dan Marine (Marine and Technical Services Division)	13	8	2	—
8. Bahagian Perjalanan Perkapalan (Liner Division)	7	5	2	1
9. Bahagian Kemajuan Perdagangan (Commercial Development Department)	1	4	—	—
10. Bahagian Tanker (Tanker Department)	1	1	—	—
	38	31	7	1

Bagi menjawab soalan (b), pada masa ini terdapat sejumlah 9 orang pegawai bukan warganegara yang diambil berkhidmat secara

kontrek. Daripada 9 orang itu, seorang memegang jawatan Penolong Pengurus Besar (Teknikal), seorang sebagai Pengurus Kewangan/Perancangan, seorang sebagai Pengurus Insuran, 4 orang Jurutera Pengawas, seorang Penolong Jurutera Pengawas dan seorang Pengurus Bahagian Perjalanan Perkapalan.

GURU-GURU SEKOLAH MENENGAH

5. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa kekurangan guru merupakan suatu masaalah yang rumit, samada Kementerianya sedang menimbangkan perlantikan semula guru-guru atau pensyarah-pensyarah yang telah bersara tetapi yang masih giat dan cergas untuk meneruskan lagi perkhidmatan mereka. Jika ya, berapa ramaikah daripada mereka itu telah dipertimbangkan untuk tujuan ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran hanya menghadapi masaalah kekurangan guru di sekolah menengah sahaja, itupun dalam matapelajaran Sains dan Ilmu Hisab sahaja. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran ada mengambil semula bekerja guru atau pensyarah yang mempunyai pengetahuan Sains dan Ilmu Hisab selepas mereka bersara dengan syarat mereka itu masih sihat, belum meningkat umur 60 tahun dan dipandang masih boleh mengajar dengan baik.

PROJEK-PROJEK RANCANGAN MALAYSIA KEDUA

6. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan berkenaan dengan projek-projek Rancangan Malaysia Kedua yang masih belum dilaksanakan dan jumlah wang yang belum dibelanjakan lagi dan samada yang tersebut disatukan untuk membiayai Rancangan Malaysia Ketiga.

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Rancangan Malaysia Kedua adalah sebanyak \$8,140.9 juta dan perbelanjaan sehingga akhir Rancangan Malaysia Kedua, iaitu pada 31hb Disember, 1975 adalah sebanyak \$6,414.3 juta. Oleh itu, sejumlah \$1,726.6 juta telah tidak dibelanjakan dalam rancangan ini. Jumlah tersebut melibatkan projek-projek yang belum dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan projek-projek jangka panjang yang tidak dapat disiapkan dan melangkau tempoh Rancangan Malaysia Kedua, seperti projek binaan lebuh raya Kuala Lumpur, Karak dan pembinaan Universiti Kebangsaan.

Dalam penyediaan Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah mengkaji pelaksanaan projek-projek yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan mana-mana projek yang belum dapat dilaksanakan atau projek-projek besar yang melangkau tempoh Rancangan Malaysia Kedua telah dimasukkan ke dalam senarai projek untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, dan dianggap sebagai projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga.

KENDERAAN MELANGGAR PERATURAN LALULINTAS

7. **Tuan Oo Gin Sun** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) bilangan kereta yang ditahan kerana melebihi had-had laju dalam tahun 1973, 1974, 1975, 1976 dan 1977 (sehingga bulan September);
- (b) bilangan bas dan lori yang ditahan kerana kesalahan yang sama dalam tahun-tahun ini;
- (c) jumlah denda yang dikutip dalam tiap-tiap kes ini;
- (d) dan beberapa ramaikah pegawai-pegawai Bahagian Satu yang sebenarnya telah menggunakan kesempatan mereka membuat laporan tentang

kereta dipandu dengan laju dan bahaya kepada polis dalam setiap kes yang mana tindakan berkesan sebenarnya telah diambil setelah lapuran tersebut dibuat.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana statistik-statistik yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu banyak sangat, mengikut kiraan saya lebih 40 statistik, saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, menghantarkan jawapan ini secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat itu.

LEMBAH KELANG

8. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa Lembah Kelang adalah kawasan yang paling kotor sekali dalam negeri ini, dan jika sedar, apakah langkah yang sedang diambil untuk membersihkan air, dan udara di lembah tersebut; dan
- (b) apakah yang telah dibuat oleh Kementerian beliau untuk mengawal hakisan dari tapak-tapak perumahan yang telah mengakibatkan banjir yang kerap berlaku di Lembah itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, saya sukacita memaklumkan bahawa (a) perhatian yang sewajarnya telah ditumpukan oleh beberapa agensi Kerajaan termasuk Bahagian Alam Sekitar dalam Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dengan menjalankan beberapa kajian mengenai pencemaran udara dan air di kawasan Lembah Kelang. Empat set peraturan-peraturan berasingan yang penting di bawah Akta Alam Sekeliling Tahun 1974 iaitu untuk mengawal pelepasan effluent kelapa sawit untuk mengawal pelepasan effluent getah mengawal effluent perusahaan dan peraturan udara nyaman dan bersih telah, sedang atau

akan diwartakan dalam Warta Kerajaan tidak lama lagi. Peraturan-peraturan ini akan dikuatkuasakan dengan rapi. Adalah dijangka dalam tahun pertama pencemaran udara dan air kebanyakannya dapat dikurangkan ke paras yang rendah.

(b) Sebagai Ahli Yang Berhormat sedar tanah di kawasan Lembah Kelang adalah satu perkara di bawah kuasa Kerajaan Negeri Selangor dan Bandaraya bagi Wilayah Persekutuan, terpujanglah kepada pihak berkuasa itu menentukan pemaju-pemaju rumah mematuhi segala syarat-syarat yang dikenakan atas mereka termasuk syarat-syarat khas untuk mencegah keledakan dan hakisan tanah.

PEPERIKSAAN DALAM TULISAN JAWI

9. Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan bercadang mengadakan peperiksaan dalam tulisan Jawi untuk menggalakkan murid-murid belajar tulisan Jawi.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk mengadakan peperiksaan khusus dalam tulisan Jawi. Bagaimanapun, bagi beberapa matapelajaran-matapelajaran yang berkenaan seperti Sejarah Sastera Melayu dan Ugama Islam dalam peperiksaan-peperiksaan yang ada sekarang ini murid-murid adalah dibenar menjawab dengan menggunakan tulisan Jawi sekiranya mereka ingin berbuat demikian.

TARIKH PUASA DAN HARI RAYA

10. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan akan menimbangkan untuk berunding dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi menetapkan tarikh puasa, mengikut kiraan (1 Ramadan) dan Hari Raya Puasa (1 Syawal) serentak seperti yang diistiharkan oleh Saudi

Arabia bagi seluruh umat Islam di dunia seperti juga pengumuman yang dipersetujui oleh negara-negara ASEAN (Malaysia, Indonesia dan Singapura). Ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada umat Islam malah dapat meninggikan lagi syiar Islam di seluruh dunia, mengikut calendar Islam sepertimana yang ditetapkan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin bagi pihak Jabatan Perdana Menteri untuk memberi jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Islam bahawa dasar menetapkan Awal Ramadan dan Awal Syawal adalah dengan melihat anak bulan iaitu dengan Rukyah di tiap-tiap negara menurut mutlak masing-masing. Hisab atau kiraan Ahli falak boleh dipakai sekiranya anak bulan tidak kelihatan disebabkan oleh gangguan awan yang tebal. Keputusan ini telah dipersetujui oleh negeri-negeri seluruh Malaysia, Indonesia dan Singapura oleh kerana kedudukan ketiga-ketiga negeri ini adalah berhampiran.

Adapun pengistiharan Kerajaan Saudi hanya berhubung dengan Hari Raya Haji sahaja untuk diselaraskan di seluruh dunia Islam khasnya dan tidak ada kaitan dengan Awal Ramadan dan Awal Syawal.

Semoga Ahli Yang Berhormat berkenaan tidak terkeliru dalam perkara ini oleh kerana perkara ini adalah perkara agama maka sebarang keputusan perlulah dirujuk kepada pakar agama Islam untuk mendapat ketetapan yang sah.

JALAN ENKILILI KE NANGA KUMPANG

11. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kerajaan bercadang membina;

(a) jalanraya dari Engkilili ke Nanga Kumpang terus ke Lubok Antu dan

(b) jalanraya dari Simpang Saka ke Pengkalan Lidong dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat cadangan untuk membina Jalan Engkilili/Kumpang/Lubok Antu dan Jalan Betong/Lidong telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi setakat ini hanya peruntukan 'token' sebanyak \$10 sahaja diberi di bawah Rancangan tersebut.

PERKEMBANGAN INDUSTRI

12. Tuan Mak Hon Kam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil supaya meninggikan perkembangan industri-industri kecil di kampung-kampung baru sebagaimana dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga agar meringankan kemiskinan antara penduduk-penduduk kampung baru dan menyatakan kemajuan yang dicapai setakat ini.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telahpun menggerakkan sedaya upaya tenaga dan sumber-sumber bagi perkembangan perusahaan-perusahaan kecil terutamanya di kawasan kurang maju di negara ini. Berpandukan kepada objektif ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan perkembangan industri-industri kecil di kawasan kurang maju termasuk kampung-kampung baru.

(i) Di antara galakan-galakan pelaburan yang diperkenalkan ialah galakan penempatan yang mana bertujuan untuk menarik lebih banyak pelaburan ke kawasan kurang maju.

(ii) Pelaburan yang jumlahnya kurang daripada \$250,000 dalam bentuk kumpulan pemegang saham atau penggunaan buruh kurang daripada 25 orang adalah dikecualikan daripada mengambil Lesen Pengilang di bawah

undang-undang Penyelarasan Perindustrian (ICA). Ini adalah untuk memudahkan melaksanakan projek-projek kecil.

- (iii) Pelaburan adalah digalakkan dilabur ke kawasan-kawasan kurang maju mengikut polisi-polisi Kerajaan untuk menyelaraskan perusahaan. Berpanduan matlamat ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menggalakkan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mempercepatkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian dan pembangunan kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan yang kurang maju.
- (iv) Majlis Penyelarasan bagi Pembangunan Perusahaan-perusahaan Kecil telah ditubuhkan untuk menyelaraskan dan menyamakan polisi-polisi dan rancangan-rancangan MARA, NPC, FIDA, SIRIM, Bank Pertanian, Bank Pembangunan dan CGC. Ini akan memastikan bahawa matlamat Kerajaan untuk mengembangkan perusahaan-perusahaan kecil akan dilaksanakan dan dipenuhi dengan licin dan teratur.

Di antara tahun 1971 hingga 1976, jumlah projek yang diluluskan untuk diselerakkan ke kawasan kurang maju telah bertambah dari 131 kepada 1,502. Tenaga kerja yang diwujudkan pada jangka masa tersebut ialah 200,000 orang sementara pelaburan modal bertambah dari \$491 juta menjadi \$4,959 juta.

BEKALAN AIR KE KAMPUNG BARU KAMPUNG GAJAH

13. Datuk Loh Fook Yen minta Menteri Kerajaan dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bilakah bekalan air dan bekalan letrik akan diadakan di Kampung Baru Kampung Gajah, Kluang.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan kerja-kerja untuk menyambung bekalan air ke Kampung Baru Kampung Gajah, Kluang telahpun dimulakan

dan dijangka akan disiapkan pada pertengahan tahun 1978.

Berkenaan dengan bekalan letrik pula, ingin dimaklumkan bahawa peruntukan telah diluluskan di bawah Rancangan Letrik Luar Bandar. Adalah dijangka bahawa projek ini akan disiapkan juga selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 1978.

JAWATAN GURU BESAR

14. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah pihak Kerajaan bercadang hendak menambahkan jawatan Guru Besar yang terdiri daripada kaum wanita, memandangkan kaum wanita lebih ramai memegang jawatan guru jika dibandingkan dengan kaum lelaki.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, pada fikiran saya apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah jumlah guru-guru wanita menyandang jawatan Guru Besar di sekolah, hendaklah ditambah. Dalam hal ini suka saya menyatakan bahawa perlantikan seseorang Guru Besar di sesebuah sekolah (melainkan Sekolah Menengah Rendah Gred C dan Sekolah Menengah Penuh Gred C) akan melibatkan kenaikan pangkat seseorang guru itu. Oleh itu, perlantikan ini adalah dibuat mengikut prinsip-prinsip kenaikan pangkat seperti yang dinyatakan dalam Perintah Am 50 Bab 'A'. Dalam Perintah Am ini ada dinyatakan bahawa seseorang guru itu akan dipilih untuk dinaikkan pangkat semata-mata atas kebolehannya. Untuk tujuan ini kebolehan seseorang guru itu akan ditentukan mengikut:

- (i) kecekapan yang ditunjukkan dalam menjalankan tugas-tugasnya;
- (ii) sifat-sifat peribadinya termasuk ketuhanan, kelulusan-kelulusan serta pengalaman-pengalaman yang sesuai dengan jawatan Guru Besar yang hendak diisi itu.

Apabila didapati dua atau lebih guru-guru itu mempunyai kebolehan yang sama,

maka kekananan mereka di dalam perkhidmatan akan diambil kira.

Soal sama ada seseorang guru besar itu lelaki atau wanita hanya dikira jika sesebuah sekolah itu merupakan sekolah lelaki ataupun sekolah perempuan.

FAKULTI PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA — KEDUDUKAN JAWATAN AKADEMIK

15. Tuan Lim Kit Siang (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pensyarah-pensyarah kanan dan di peringkat pertengahan dari Fakulti Perubatan Universiti Malaya yang telah meletakkan jawatan sejak beberapa tahun ini, bilangan jawatan kosong di peringkat profesor dan di

peringkat kanan dan samada langkah-langkah aktif telah diambil untuk mengelakkan perletakan jawatan seterusnya dan juga untuk mengambil orang-orang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong itu.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, perletakan jawatan di Fakulti Perubatan dan di lain-lain jabatan di mana pegawai profesional berkhidmat merupakan satu perkara biasa. Di Malaysia, perkara ini bertambah buruk dengan adanya amalan swasta yang memberi gaji yang lebih lumayan. Perletakan jawatan juga sering berlaku di klinik-klinik kepunyaan swasta. Walau bagaimanapun, jadual di bawah ini menunjukkan bilangan yang meletakkan jawatan dan juga perantikan baru mengikut tahun-tahun yang berkenaan:—

Jadual A

Jawatan	Perletakan Jawatan	Perantikan Baru	Perletakan Jawatan	Perantikan Baru	Perletakan Jawatan	Perantikan Baru	Perletakan Jawatan	Perantikan Baru
TAHUN	1974		1975		1976		1977	
Profesor	2	1	-	-	2	2	-	3
Prof. Madya	1	2	1	3	3	6	3	1
Pensyarah	12	26	16	15	25	27	15	9*

*32 orang telah ditawarkan perantikan hingga sekarang 9 orang sahaja telah menerima tawaran tersebut.

Di dalam jadual yang berikut pula ditunjukkan kedudukan jawatan akademik Fakulti Perubatan dari tahun 1970 hingga

1977. Di dalam jadual yang berikut pula ditunjukkan kedudukan jawatan akademik Fakulti Perubatan dari tahun 1974 hingga 1977.

Jadual B

Kedudukan Kakitangan Akademik Fakulti Perubatan												
Jawatan	BJ	BT	BK	BJ	BT	BK	BJ	BT	BK	BJ	BT	BK
Tahun	1/10/1974			1/10/1975			1/10/1976			1/10/1977		
Profesor	15	12	3	16	10	1	16	11	55	16	12	4
Prof. Madya	27	25	12	27	28	9	40	30	10	52	42	10
Pensyarah	198	136	62	208	144	64	205	125	80	193	121	72
Jumlah	250	173	77	261	182	79	261	166	95	211	175	86

Pentunjuk: BJ: Bilangan Jawatan BT: Bilangan telah diisi BK: Bilangan kosong

Walaupun bilangan jawatan kosong adalah besar, ini bukannya satu haluan (trend) baru. Trend ini telah berlaku dari dahulu lagi. Ini disebabkan sekolah perubatan di seluruh dunia adalah senantiasa menghadapi kesukaran mendapatkan kakitangan pengajar perubatan.

SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN NAM HWA SITIAWAN

16. **Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa murid-murid S.R.J.K. (C) Pekan Gurney telah diarah ke S.M.R. Sitiawan untuk melanjutkan pelajaran mereka di Kelas-kelas Peralihan pada tahun 1978. Langkah demikian adalah bertentangan dengan kehendak murid-murid yang hendak melanjutkan pelajaran mereka di Sekolah yang mempunyai Cina sebagai Bahasa Pengantar iaitu di S.M.J.K. Nam Hwa, Sitiawan jika ya, adakah beliau akan menimbangkan agar menghantar para murid tersebut ke S.M.J.K. Nam Hwa, Sitiawan sepertimana yang telahpun dipraktikkan pada tahun-tahun yang sudah. Pada hakikatnya, sekolah menengah ini mempunyai segala kemudahan untuk menampung ke semua murid-murid tersebut.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Speaker, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada Sekolah Menengah Bantuan Penuh yang menggunakan Bahasa China sebagai bahasa pengantar. Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Nam Hwa, Sitiawan ialah sebuah sekolah menengah "conforming" dan menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Nam Hwa pada masa ini mempunyai hampir 2,000 orang murid dan tidak dapat menampung ke semua murid darjah VI dari sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dalam kawasan Sitiawan. Sebilangan murid-murid terpaksa diarahkan ke Sekolah Menengah Rendah Sitiawan. Bahasa Cina juga diajar sebagai satu matapelajaran di sekolah ini. Dengan itu Sekolah Menengah Rendah Sitiawan tidak ada bezanya daripada Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Nam Hwa.

JALAN BEAUFORT/KUALA PENYU

17. **Tuan A.K. Aliuddin** bertanya Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, samada beliau sedar bahawa jalanraya antara Beaufort dan Kuala Penyu perlu dibubuh tar memandangkan jalanraya tersebut merupakan alat perhubungan yang sangat penting bagi penduduk-penduduk di kawasan yang berkenaan. Jika sedar, bila Kerajaan bercadang hendak menurap jalanraya tersebut.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar tentang pentingnya Jalan Beaufort/Kuala Penyu. Walau bagaimanapun, memandang adanya keutamaan-keutamaan yang lain, peruntukan yang diberi di bawah Rancangan Malaysia Ketiga hanya cukup untuk memperbaiki dan mengetar 5 batu sahaja jalan tersebut iaitu dekat dengan Bandar Beaufort. Kerja-kerja tersebut dijangka siap pada tahun 1978. Peruntukan untuk sebahagian lagi akan dipertimbangkan dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga dan adalah diharap peruntukan akan diberi supaya keseluruhan jalan tersebut dapat diperbaiki dan ditar.

TANAMAN KOKO

18. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Pertanian menyatakan iaitu oleh kerana koko boleh ditanamkan dengan jayanya di antara pohon-pohon kelapa di Malaysia dan memandang kepada permintaan dunia bagi koko apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memajukan perindustrian koko supaya pengeluaran koko boleh jadi suatu daripada sumber yang besar dari pendapatan eksport kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa langkah yang diambil ialah untuk menambahkan lagi keluasan tanaman koko. Pada masa ini di Semenanjung Malaysia telah terdapat kira-kira 75,000 ekar tanah yang telah ditanam dengan koko iaitu kira-kira 39,000 ekar ditanam selingan dengan kelapa oleh pekebun-pekebun

kecil dan kira-kira 36,000 ekar lagi yang diusahakan oleh ladang-ladang besar dan lain-lain agensi. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Jabatan Pertanian merancang untuk memajukan 50,000 ekar lagi di Semenanjung, kawasan tanaman koko selingan dengan kelapa di bawah rancangan pembangunan pekebun-pekebun kecil kelapa dan rancangan subsidi input dan mempelbagaikan pertanian.

Selain daripada itu koperasi-koperasi peladang juga digalakkan dalam bidang perusahaan koko di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan wang sebanyak \$858,000 telah disediakan untuk memproses koko. Di samping itu koperasi-koperasi peladang adalah juga diberi modal pusingan untuk membeli koko basah daripada ahli-ahlinya. Koperasi-koperasi Peladang Rengit, Sabak Bernam, Hutan Melintang, Jeram dan Syarikat Kerjasama Serbaguna Sungai Burung Bagan Datoh, sedang menjalankan kegiatan mengeringkan koko. Rancangan-rancangan bagi membina kilang-kilang pengeringan koko sedang diatur oleh koperasi-koperasi peladang Tanjung Karang, Tanjung Duabelas dan Bagan Datoh.

Penyelidikan berkenaan dengan koko juga dipergiatkan di mana MARDI baharu-baharu ini telah berjaya mengatasi masalah masam di dalam koko. Cara-cara memproses atau memeram koko sebelum dikeringkan telah disebarkan kepada pemeroses-pemeroses kecil dan besar melalui agensi seperti LPP. Ini akan dapat menentukan harga pasaran koko keluaran Malaysia akan setanding dengan harga koko keluaran negara lain.

SEKOLAH VOKESYENAL DI SIMUNJAN

19. Tuan Haji Hadadak bin Haji Daing Pasauk minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kementerian berkenaan bercadang untuk membina sebuah sekolah vokesyenal di daerah Simunjan supaya dapat murid-murid mengambil matapelajaran yang tertentu seperti yang terdapat di sekolah vokesyenal. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Datuk Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pelajaran, Sarawak, sekarang ini menjalankan dua buah Sekolah Vokesyenal, satu di Kuching dan satu lagi di Sibu. Sebuah lagi Sekolah Vokesyenal di Miri yang boleh menampung lebih kurang 300 orang pelajar, akan dijalankan mulai dari tahun 1978. Apabila berjalan sepenuhnya kelak, 3 buah sekolah vokesyenal ini akan dapat menerima seramai 1,100 orang pelajar.

Kementerian akan mempertimbangkan penubuhan lebih banyak lagi sekolah-sekolah vokesyenal apabila diperlukan kelak.

INSIDEN ANTARA ASKAR — ORANG AWAM

20. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pertahanan menyatakan:—

- (a) tindakan yang telah diambil bersabit dengan surat yang dihantarkannya (Y.B. Lim Kit Siang) kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Y.B. Mokhtar Hashim, pada 10hb. Januari, 1977 yang mengadu mengenai layanan buruk yang dilakukan oleh dua orang askar terhadap empat orang petani di Pagoh, Johor pada 7hb. Januari, 1977; dan
- (b) samada beliau sedar terdapat bertambahnya insiden-insiden di mana askar-askar memukul atau melayankan dengan buruk terhadap orang-orang awam dan apakah tindakan Kementerian beliau bercadang mengambil untuk menghentikan insiden-insiden seumpama ini yang hanya akan melemahkan kepercayaan orang ramai dalam pasukan ketenteraan kita.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, jawapan pada (a) surat yang bertarikh 10hb Januari itu sudah saya terima dan dijawab pada 25hb Januari, 1977.

Saya menyedari terdapat beberapa insiden di antara askar-askar dan orang-orang awam

tetapi adalah tidak benar untuk mengatakan bahawa insiden-insiden yang sedemikian kerap berlaku atau kian bertambah.

Kementerian saya memang telah sedia mengeluarkan arahan-arahan tertentu bagi mengelakkan berlakunya kejadian layanan buruk oleh anggota-anggota tentera terhadap orang awam. Pegawai-pegawai Memerintah pasukan tentera sentiasa diingatkan supaya mengawal dan mengawasi segala kelakuan anggota-anggota tentera di bawah pemerintahan mereka.

Pegawai-pegawai Memerintah pasukan juga telah diarah mengambil tindakan tatatertib yang keras terhadap anggota-anggota yang melakukan tindakan keterlaluan secara berseendirian.

Orang awam juga mempunyai peranan dalam mengelakkan berlakunya sesuatu kejadian yang buruk itu, kerana punca berlakunya kejadian itu bukanlah atas tindakan sebelah pihak sahaja. Ini terbukti di dalam beberapa insiden di mana pihak tentera telah menerima beberapa provokasi dari orang awam.

Adalah diharapkan sekiranya kedua-dua belah pihak sedar akan peranan masing-masing, saya percaya kejadian yang buruk seperti ini dapat dielakkan.

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai jawapan (a) memanglah saya tahu bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab surat saya. Tujuan soalan saya ialah apakah tindakan yang telah diambil seperti dikatakan dalam surat Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa dua orang askar itu telah didakwa di Mahkamah?

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan (a) iaitu tindakan telah diambil bersabit dengan surat yang ditanyakan itu dan jawapan telah saya beri seperti yang saya sebutkan di awal tadi.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan saya ialah apakah pendakwaan telah diambil ter-

hadap dua orang askar seperti dikatakan dalam surat itu bahawa tindakan akan diambil.

Tuan Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibincangkan dalam Majlis Keselamatan Negeri Johor dan tindakan tatatertib tentera telah diambil apabila mereka yang terlibat telah dihadapkan ke Mahkamah Tentera.

RANCANGAN TV MALAYSIA

21. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Penerangan menyatakan bilangan jam yang diberi untuk rancangan-ancangan dalam setiap bahasa di TV Malaysia setiap hari atau setiap minggu dan samada penyusunan seumpama itu mencerminkan komposisi kaum di negara ini, jika tidak, nyatakan samada langkah-langkah yang telah diambil untuk memberikan masa yang lebih untuk rancangan-ancangan Cina dan Tamil.

Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjelaskan, kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa TV Malaysia tidak ada menetapkan apa-apa had masa yang tertentu bagi sesuatu bahasa.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum matlamat kita dalam usaha untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum di negara ini adalah menerusi penggunaan Bahasa Malaysia. Oleh yang demikian, khasnya dalam rangkaian pertama siaran-siaran dalam Bahasa Malaysia adalah diberi keutamaan. Sungguhpun demikian rancangan-ancangan hiburan dan kebudayaan yang disiarkan oleh TV Malaysia itu adalah mencerminkan komposisi berbagai kaum di dalam negara ini. Malah dalam banyak rancangan penyertaan berbagai kaum memang digalakkan seperti pembacaan berita, rancangan drama dan lain-lain.

Selain daripada itu juga banyak filem-filem yang menggunakan bahasa-bahasa Cina, Tamil, Hindi dan juga Inggeris ditayangkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (18hb November, 1977).

Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Kepala B.15 (Jadual) —

Kepala P.15 (Anggaran Pembangunan, 1978)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan tempoh hari, saya difahamkan baharu sahaja telah dikemukakan masalah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan.

Saya jemput pihak Menteri menyambung ucapannya.

3.22 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Pengerusi, dengan izin, saya bangun untuk meneruskan ucapan Anggaran

Belanjawan di bawah Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan yang telah dimulakan oleh Yang Berhormat Menteri pada 18hb November, 1977 yang lalu.

(vi) Pecahan-kepala 21	—	Suruhanjaya Perumahan Sabah	4,049,000
(vii) Pecahan-kepala 31	—	Kemajuan Perkampungan	4,000,000
			\$136,420,435

Pecahan-kepala 1 & 5 — Perumahan Awam Semenanjung Malaysia

Kementerian saya memerlukan peruntukan sejumlah \$32.4 juta bagi Pecahan-kepala 1 untuk projek-projek perumahan awam di Wilayah Persekutuan dan sejumlah \$86,772,615 lagi bagi Pecahan-kepala 5 untuk projek-projek perumahan yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kedua-dua ini yang berjumlah \$119,172,615 berbanding dengan peruntukan sejumlah \$100.28 juta pada tahun 1977 adalah bagi maksud memberi pinjaman kepada pihak-pihak tertentu untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah untuk rakyat berpendapatan rendah di Semenanjung Malaysia.

Pecahan-kepala 2 — Rancangan Perumahan Kampung Baru

Peruntukan namaan \$10 adalah bertujuan untuk menampung keperluan yang mungkin berlaku akibat projek-projek perumahan yang telah dilaksanakan di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Peruntukan ini adalah sebagai perediaan sahaja kerana projek-projek itu telah dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua dahulu dan pembiayaan projek-projek baru pula telah diambilkira di bawah peruntukan Pecahan-kepala 1 sebagai tersebut di atas tadi.

Pecahan-kepala 3 — Perumahan Awam Tambasuai

Sebagai yang telah diterangkan di dalam persidangan Dewan pada pertengahan tahun lalu peruntukan namaan \$10 ini ialah untuk

menampung kemungkinan adanya projek-projek perumahan awam yang masih di dalam rancangan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai awal tahun 1978 satu kajian kemungkinan yang menyeluruh mengenai Sites and Services and Related Low Cost Housing Programme akan dimulakan dengan bantuan dari pihak Bank Dunia. Hasil daripada kajian tersebut akan menentukan samada projek-projek tambahan perlu dilaksanakan menurut pendekatan atau 'approach' selain daripada yang telah dilaksanakan setakat ini.

Pecahan-kepala 4 — Institiut Penyelidikan Perumahan Negara

Peruntukan sebanyak \$150,000 telah diluluskan bagi tahun 1977 oleh Dewan yang mulia ini untuk membolehkan Kementerian mendapat dan mengusahakan tapak bagi Institiut Penyelidikan Perumahan Negara. Kementerian saya sedang bergiat penuh untuk mendapatkan tapak untuk Institiut tersebut. Bagi tahun 1978 Kementerian saya memerlukan peruntukan sejumlah \$200,000 bagi memulakan kerja-kerja pembinaan bangunan di Peringkat I Institiut tersebut.

Pecahan-kepala 11 — Pelaburan Dalam Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak; dan Pecahan-kepala 21 — Suruhanjaya Perumahan Sabah

Kementerian saya memerlukan peruntukan sebanyak \$13,047,800 bagi Pecahan-kecapan-kepala 11 dan 21 bagi maksud meneruskan pelaburan dalam bidang perumahan di Sarawak dan Sabah. Di Sarawak pelaburan sejumlah \$8,998,800 perlu diadakan melalui Perbadanan Kemajuan Perumahan Sarawak bagi pembinaan kira-kira 4,380 unit rumah. Manakala di Sabah pelaburan sejumlah \$4,049,000 perlu diadakan melalui Suruhanjaya Perumahan Sabah bagi pembinaan kira-kira 734 unit rumah.

Pecahan-kepala 31 — Kemajuan Perkampungan

Projek-projek kecil di Kampung-kampung

Baru dan kampung-kampung lain di sekelilingnya akan terus dilaksanakan dalam tahun 1978 bagi maksud mempercepatkan pembaikan dan pemodenan kehidupan dan persekitaran kampung-kampung tersebut. Projek-projek tersebut termasuk binaan jalan, parit, titi atau jambatan kecil, kemudahan riadah, balairaya, pasar dan sebagainya. Dengan itu Kementerian saya memerlukan peruntukan sejumlah \$4 juta lagi untuk tujuan ini.

Usaha memperluas atau memodenkan kehidupan di Kampung-kampung Baru adalah sedang dilaksanakan secara menyeluruh dan melibatkan juga kajian mendalam (bagi maksud menyediakan peluang-peluang pendapatan yang bertambah) serta memperbaiki infrastruktur kampung-kampung tersebut. Matlamat memperluaskan Kampung-kampung Baru hendaklah tidak diertikan sebagai meluaskan secara fizikal atau kawasan semata-mata kerana, dalam keadaan di mana tanah menjadi halangan untuk proses perluasan, proses tersebut hendaklah diertikan sebagai mengikhtiarkan penambahan pendapatan di kawasan-kawasan lain atau di punca-punca selain daripada tanah yang berdekatan. Punca-punca tersebut telah terdapat di beberapa Kampung-kampung Baru iaitu pekerjaan menerusi perindustrian dan di Kampung-kampung Baru yang lain menerusi usaha-usaha pertanian.

Dengan keterangan di atas, saya memohon kelulusan Dewan bagi Anggaran Peruntukan Kementerian saya di bawah Kepala B. 15 berjumlah \$3,850,700 dan Kepala P. 15 berjumlah \$136,420,435 menjadi sebahagian daripada Jadual.

3.28 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Pengerusi, saya bangun di samping menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan suka hendak membawa pandangan Kementerian yang berkenaan beberapa perkara yang pada pendapat

saya wajib dan perlu diambil perhatian dan tindakan.

Saya merujuk kepada Kepala B. 15, Butiran 1 iaitu di muka 93, Yang Berhormat Menteri sendiri baharu-baharu ini telah membuat satu keterangan di beberapa akhbar tempatan mengatakan bahawa beliau sedar ada orang-orang kaya, orang-orang berada mengambil kesempatan dan membuat rumah-rumah tanpa izin ataupun rumah haram di kawasan tanah Kerajaan dan menyewakan rumah-rumah tersebut kepada orang ramai. Apa yang saya hairan, ialah jika Yang Berhormat Menteri sendiri sedar adanya reket sebagaimana yang dikatakan itu, mengapa tidak ada tindakan diambil? Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini berapa orang daripada golongan mereka yang mengambil kesempatan itu sudah didakwa di mahkamah dan apakah hukuman dan tindakan ke atas orang-orang itu? Saya berpendapat bahawa berapa juta pun wang yang kelak kita peruntukan kepada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ini untuk menghadapi kesulitan perumahan di negara ini tetapi wang-wang yang berjumlah jutaan ringgit ini tidak akan mencukupi kerana apa yang kita lihat dan saksikan dari setahun ke setahun, bukan kerumitan perumahan ini menjadi berkurangan tetapi bertambah-tambah. Mengapa maka keadaan ini timbul? Pada pendapat saya keadaan ini timbul adalah kerana tindakan tegas tidak diambil terhadap orang-orang yang telah mengambil kesempatan sebagaimana yang disedari oleh Yang Berhormat Menteri itu sendiri.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Di Wilayah Persekutuan dan di sekitar Kuala Lumpur misalannya kita dapati perkembangan penduduk-penduduk yang kita anggap sebagai floating population, penduduk-penduduk daripada luar bandar datang ke Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan bekerja di firma-firma dan di

gudang-gudang (factory) dan mereka ini adalah daripada golongan mereka yang menjadi mangsa mereka yang membuat rumah yang mempunyai sedikit duit, mempunyai modal membuat rumah di tanah Kerajaan dan menyewakan, mengeksploitasi golongan-golongan floating population itu dengan disewakan rumah-rumah tersebut dengan harga yang boleh dikatakan tinggi, tetapi tanah mereka dapat dengan percuma, iaitu menggunakan tanah Kerajaan.

Di sini, Tuan Pengerusi, saya suka memberi pandangan saya kepada Kementerian agar dua langkah diambil, iaitu jangka pendek, supaya menentukan di sesuatu tempat itu jangan ada bilangan rumah-rumah setingan ini bertambah daripada satu minggu ke satu minggu, daripada satu bulan ke satu bulan, iaitu pihak Kerajaan hendaklah bekerja lebih rapat dengan Kerajaan Negeri, dengan State Economic Development Corporation, dengan pihak UDA dan lain-lain agensi Kerajaan yang mempunyai fungsi-fungsi mendirikan rumah-rumah kediaman. Yang kedua kuasa sepenuhnya hendaklah diberi kepada anggota Polis tempatan ataupun penghulu, ataupun pegawai-pegawai yang tertentu untuk mengambil tindakan mengawal pembinaan rumah-rumah tanpa izin di daerah ataupun di kawasan mereka.

Saya suka juga membawa perhatian Kementerian yang berkenaan kepada Kepala P. 15 Butiran 5 — Perumahan Awam Negeri-negeri. Ada saya sentuh tadi berkenaan dengan kerumitan perumahan. Kerumitan perumahan daripada semenjak merdeka dahulu hingga sekarang telah bertambah-tambah sehingga bolehlah kita anggapkan bahawa ini telah menjadi satu national problem atau satu kerumitan negara.

Apa yang saya suka projekkan di sini ialah jika benar bahawa kerumitan perumahan ini telah menjadi national problem maka hendaklah segala usaha diambil sejajar dengan problem itu. Pada masa ini kita saksikan

bahawa ada banyak peringkat yang mempunyai kuasa untuk mengatasi problem perumahan ini. Agensi-agensi Kerajaan diberi tugas untuk mendirikan rumah, begitu juga Kerajaan-kerajaan Negeri diberi tugas untuk mendirikan rumah di negeri-negeri dan di atas segala-galanya pula Kementerian Perumahan diberi tugas untuk mengatasi problem perumahan.

Saya berpendapat bahawa adalah wajar bagi pihak Kerajaan memikirkan masanya sudah sampai untuk menyerahkan segala fungsi untuk mendirikan perumahan ini di bawah satu Kementerian, iaitu Kementerian Perumahan. Jika dibiarkan fungsi-fungsi perumahan itu diteruskan di bawah tanggungjawab beberapa tingkatan maka kita akan dapati kerja-kerja duplikasi, kerja-kerja yang bercanggah dan tidak dapat kita mengawal kerumitan-kerumitan yang saya sebutkan tadi.

Izinkan saya pula, Tuan Pengerusi, menyentuh Butiran 4 iaitu Instituit Penyelidikan Perumahan Negara. Pada masa ini jika saya mengemukakan soalan-soalan kepada Kementerian Perumahan untuk mengetahui berapa unit rumah-rumah yang kekurangan di tiap-tiap negeri dan tiap-tiap kawasan-kawasan ataupun berapa unit rumah yang kita dapati di tiap-tiap daerah, di tiap-tiap mukim saya percaya pihak Kementerian tidak akan dapat menjawab dengan tepat bilangan-bilangan yang saya kehendaki itu. Ini adalah kerana tidak ada satu kajian yang mendalam dibuat oleh pihak Kementerian. Saya berharap dengan adanya nanti Instituit Penyelidikan Perumahan Negara maka dapat satu kajian mendalam untuk mengetahui the real housing demand di tiap-tiap negeri, di tiap-tiap pekan, di tiap-tiap daerah dan di tiap-tiap mukim.

Menyentuh Kepala P. 15, Butiran 2 iaitu Rancangan Perumahan Kampung Baru. Tuan Pengerusi, kerana ketiadaan satu dasar berkenaan dengan pembinaan rumah di Kampung-kampung Baru, maka didapati peng-

usaha-pengusaha rumah mengambil kesempatan mendirikan rumah-rumah pangsa tanpa pelan dan dengan tidak pula keizinan dari pihak-pihak yang berkenaan. Saya percaya bila saya bawa pandangan ini Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri kelak akan menjawab? "Ini tidak betul; saya tidak sedar adanya perkara-perkara ini". Supaya jangan saya dengar kelak jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Menteri yang beliau atau Kementeriannya tidak sedar, saya suka bawa kepada perhatian Kementerian contoh-contohnya. Satu contoh, di Sungei Way New Village didapati dua baris rumah teres diperbuat daripada batu telah didirikan oleh seorang pemaju swasta dengan tiada pelan dan tiada keizinan pihak yang berkenaan. Tempat yang saya maksudkan ialah satu kawasan yang letaknya di belakang Mitsubishi Showroom berhampiran dengan Malaysian Acid di Sungei Way New Village. Tanah ini yang anihnya, adalah dibawa high-tension wires LLN (Lembaga Letrik Negara), dan yang anih pula Yang Berhormat Menteri sendiri telah dijemput oleh pemaju rumah untuk merasmikan dan beliau telah datang merasmikan dengan dicover oleh TV, Radio dan pemberita-pemberita. Saya berpendapat bahawa ini bukanlah boleh disalahkan Yang Berhormat Menteri. Beliau dijemput dengan, barangkali beliau fikir ini adalah satu perkara kewajipan beliau sebagai Menteri untuk merasmikan; beliau hadir.

Jadi saya nasihatkan kepada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Kementerian Perumahan seluruhnya jika dapat panggilan-panggilan untuk merasmikan rancangan-rancangan perumahan eloklah diselidik sedikit latar belakangnya. Jadi pemaju perumahan yang saya maksudkan itu dengan menjemput Yang Berhormat Menteri dapat menyakini kepada orang-orang yang membeli ataupun yang hendak membeli rumah pangsa tanpa izin, tanpa pelan di bawah high tension wires, rancangan ini adalah dengan blessing Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat

Menteri sedar bahawa sehingga hari ini rumah teres yang dua baris yang saya sebutkan itu tidak dapat kemudahan-kemudahan letrik dan kemudahan air? Kerana apa? Tidak ada pelan.

Saya suka juga membawa perhatian Yang Berhormat Menteri bukan sahaja kepada perkara perumahan ini iaitu di bawah Kepala P. 15 Butiran 2 tadi, tetapi juga kepada facility yang ada di dalam perkampungan baru umpamanya wayang gambar (pawagam). Ini juga, Tuan Pengerusi, terjadi di Sungei Way New Village. Sebuah pawagam telah didirikan oleh pemaju swasta berhadapan dengan Police Station Sungei Way. Pawagam siap di dalam satu bulan sahaja, bila dimulakan operation-nya, seluruh bangunan itu bergegar apabila jentera hawa dingin (air-condition) dibuka. Semua bangunannya bergegar. Bangunan ini dibuat enam bulan dulu. Dan saya percaya, Tuan Pengerusi, dan saya tidak boleh commit diri saya, kerana di dalam siasatan yang saya buat belum dapat saya pastikan samada Certificate of Fitness telah dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa atau tidak. Tetapi saya percaya kalaulah ada Certificate of Fitness telah dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa maka penuntun-penuntun pawagam itu di dalam keadaan merbahaya kerana keadaan rumahnya adalah merbahaya, tidak ada kawalan-kawalan daripada diserang oleh api dan sebagainya dan saya harap pihak Kementerian yang berkenaan mengambil berat perkara-perkara saya kemukakan ini. Dan segala bukti-bukti yang saya sampaikan ini menguatkan pendapat saya bahawa banyak yang masih berkurangan di Kementerian Perumahan terutama di segi koordinasi dan penyelarasan.

Dan dengan ini, Tuan Pengerusi, saya dengan sukacitanya menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan.

3.44 ptg.

Wan Zainab binti M.A. Bakar (Sungei Petani): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong

peruntukan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Saya suka menyentuh Kepala P. 14 Butiran 1 Perumahan Awam Wilayah Persekutuan, muka surat 93.

Saya berpendapat peruntukan yang diberi masih kecil dan perlu dibanyakkan kerana penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan telah bertambah dengan pesat dari 200,000 hingga kini menjadi satu juta.

Yang kedua, ketiadaan rumah-rumah yang murah menyebabkan bertambahnya bilangan setinggan-setinggan dalam kawasan Wilayah Persekutuan. Dari segi kesihatan, penduduk-penduduk di kawasan setinggan menghadapi ancaman kesihatan kerana kekotoran udara akibat rumah-rumah yang terlalu rapat dan penuh sesak dengan ketiadaan tempat-tempat membuang najis yang teratur dan sempurna.

Tuan Pengerusi, satu lagi di segi keselamatan pula, kawasan-kawasan setinggan boleh dijadikan tempat persembunyian atau sarang kumpulan-kumpulan samsing, anti-nasional atau anasir-anasir subversif. Memandangkan alasan-alasan di atas saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan hendaklah mempercepatkan seberapa yang boleh pelaksanaan projek-projek perumahan di kawasan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, di dalam melaksanakan projek-projek yang berkenaan, saya ingin menarik perhatian Kementerian ini kepada projek perumahan rumah-rumah pangsa (flat).

Sebagaimana kita semua maklum kebanyakan penghijrah-penghijrah yang datang ke Kuala Lumpur ini terdiri dari penduduk-penduduk miskin dari luar bandar. Oleh kerana pembinaan rumah-rumah flat kita hendaklah sesuai dengan keadaan kewangan dan kemampuan mereka. Dan pihak yang bertanggungjawab mendirikan flat-flat ini hendaklah jangan mengambil keuntungan yang begitu besar.

Satu misalannya saya telah difahamkan bahawa pihak tertentu telah mendirikan flat-flat dengan harga yang mahal di kawasan Pasar Minggu, Kampung Bahru, Kuala Lumpur. Akibatnya mereka yang dimaksudkan tidak mampu membeli atau menyewa flat-flat itu hingga terpaksa menjadi asrama penuntut-penuntut. Tuan Pengerusi, jadi dengan dibiarkan berlaku sedemikian pihak yang berkenaan masih tidak dapat mengatasi masalah perumahan yang dihadapi khususnya oleh setinggan-setinggan di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, saya juga suka membawa perhatian di kawasan perumahan di Sungei Layan, Sungei Petani. Pada baru-baru ini orang-orang ramai yang berhajat kepada rumah-rumah ini telah pergi mengambil barang-barang sampai terpaksa dikawal oleh pihak polis kerana pecah tingkap-tingkap pejabat di situ. Saya berharap pihak Kerajaan agar pemberian rumah-rumah diberi kepada orang-orang yang tidak ada rumah, kerana yang telah lalu orang yang ada rumah dapat lagi rumah yang dibuat oleh rancangan perumahan murah ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya suka juga menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan kerana di dalam masa orang ramai itu mengambil borang-borang saya telah diberitahu rumah-rumah daripada jenis kayu ataupun papan di masa ribut, belum lagi diduduki cuma borang-borang baru diambil, rumahnya pun sudah rebah, akibat angin ribut.

Tuan Pengerusi: Sudah roboh?

Wan Zainab binti M.A. Bakar: Ribut.

Tuan Pengerusi: Ribut.

Wan Zainab binti M.A. Bakar: Sebab belum lagi sempat duduk, kena angin ribut rumah semua sudah rebah. Ini telah menunjukkan bahawa pihak pemaju rumah telah membuat rumah itu dengan cara-cara tidak

begitu baik kerana belum lagi didiami oleh pihak penghuni, rumah itu kena ribut, langsung rebah. Saya harap dapat diambil perhatian supaya pemaju-pemaju rumah tidak membuat lebih kurang kepada rumah-rumah murah tadi.

Sekianlah sahaja, saya suka mendapat perhatian Timbalan Menteri Perumahan agar pemaju-pemaju rumah itu jangan mengambil untung yang sangat-sangat lebih.

3.49 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B.15 — Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Butiran 1100 — Gaji dan Upahan, Aktiviti (2) Perancangan dan Kemajuan Perkampungan dan Aktiviti (4) Perumahan Negara, muka surat 89 dan Kepala Pembangunan P. 15, Butiran (1) Perumahan Awam Wilayah Persekutuan dan Butiran (5) Perumahan Awam Negeri-negeri, muka surat 93.

Tuan Pengerusi, dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian tentang perancangan dan kemajuan. Perkampungan kampung baru telah tersusun dengan begitu rugi. Semua kemudahannya ada. Tetapi dalam pada itu, kita janganlah lupa peri mustahaknya bagi kampung-kampung lama terutama kampung-kampung Melayu yang terbiar dan tidak tersusun di mana kemudahan-kemudahannya kurang diberi.

Saya ingin mengesyorkan supaya tumpuan perancangan perkampungan ini hendaklah juga diberi supaya khidmat ini bukan sahaja didapati oleh kampung baru tetapi juga kampung-kampung lama khususnya di luar bandar. Kajian juga hendaklah ditumpukan ke atas kampung-kampung lama supaya pembahagian peruntukan ini dapat dirasai oleh rakan-rakan mereka. Kita tidak mahu Menteri yang berkenaan hanya menumpukan perhatiannya kepada kampung-kampung baru sahaja. Ianya mestilah menumpukan perhatiannya yang meliputi ke semua kampung-kampung.

Tuan Pengerusi, sekarang saya bercakap mengenai perumahan negara. Salah satu aspek ialah mengadakan projek perumahan di tiap-tiap Negeri. Adalah diketahui juga bahawa setengah-setengah Negeri tidak mendapat peruntukan yang wajar. Saya tujukan peruntukan perumahan di Negeri Kelantan. Peruntukannya telah diadakan, tetapi ianya tidak dapat dilancarkan dengan sepenuhnya. Ini disebabkan beberapa faktor. Pertama, planning. Kedua, kakitangan. Tetapi di Negeri Selangor, rancangan perumahan dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Satu perancangan yang sangat teratur dan tersusun serta menjadi satu model kepada negeri-negeri lain. Ini disebabkan oleh planning yang teratur dan mempunyai kakitangan yang cukup. Sebaliknya di Kelantan, kakitangan di dalam soal yang bersangkutan dengan perumahan ini tidak mencukupi. Maka dengan sebab itu, rancangannya selalu tergendala, dan tidak dapat disiapkan di dalam jangka masa yang ditentukan. Ini menyebabkan rancangan perumahan tidak dapat diadakan sebagaimana yang diperuntukan. Saya ingin mencadangkan supaya kakitangan bahagian perumahan di Negeri Kelantan bukan sahaja dapat ditambah tetapi juga diberi kursus tentang pelaksanaan dan perancangan. Rakyat di Kelantan juga berkehendakkan perumahan awam sebagaimana yang dinikmati oleh rakan-rakan mereka di negeri-negeri lain. Dari itu, sekiranya terdapat kelemahan jentera pentadbiran, Kementerian ini bolehlah meminta Kerajaan Negeri untuk menyegerakan rancangan tersebut; sekurang-kurangnya Kementerian Perumahan dan mengambil berat atas kelambatan bagi satu-satu projek di negeri itu.

Tuan Pengerusi, untuk menggalakkan orang-orang yang berpendapatan rendah mempunyai rumahnya sendiri, harga yang minima hendaklah ditetapkan. Sekarang ini harga rumah adalah terlalu tinggi. Sebuah rumah teres berharga antara \$30,000 hingga \$40,000.

Kerajaan hendaklah mengkaji semula supaya harganya dapat dikurangkan. Ini

dapat memberi kemampuan kepada orang ramai membelinya. Mengikut lapuran, kestabilan harga rumah dapat dikekalkan berdasarkan kepada persaingan hebat antara pemajuan perumahan yang telah meningkat jumlahnya dari 300 kepada 900 tahun ini. Sektor perumahan awam telah mencapai angka 80% dari keseluruhannya rancangan tahun ini, manakala sektor perumahan swasta telah mencapai dua kali ganda sehingga bulan Jun tahun 1977. Sejumlah 23,000 unit rumah telah diluluskan berbanding dengan 26,000 unit diluluskan tahun 1976. Adalah diharap bahawa dengan adanya persaingan hebat ini, Kerajaan dapat mengawal harganya. Bukan sahaja harga rumah dapat dikurangkan, tetapi juga rumah sederhana dan berkembar dapat diturunkan harganya. Kawalan yang ketat perlu dibuat memandangkan ancaman yang akan menimpa krisis ekonomi dunia yang akan melibatkan negara-negara yang sedang membangun.

Tuan Pengerusi, dalam soal menyusun semula masyarakat perumahan juga memainkan peranannya. Saya tujukan kepada perancangan perumahan di bandar-bandar utamanya di bandaraya Kuala Lumpur.

Kerajaan hendaklah mendirikan perumahan awam kos rendah dengan seberapa banyak yang boleh. Peruntukan orang Melayu sekurang-kurangnya 30% mestilah dipenuhi. Ini dapat mempersoalkan pemunya rumah di dalam negeri ini dan ianya juga dapat mencerminkan identiti negara kita yang sebenar.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong penuh peruntukan Kementerian ini.

3.56 ptg.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan yang diminta oleh

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, di samping saya menyokong peruntukan-peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini, suka juga saya menyampaikan sedikit-sebanyak teguran ataupun pandangan bagi mencari kebaikan yang lebih dalam memajukan usaha-usaha Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala B. 15 dalam Butiran 1100 Aktiviti (1), (2), (3), dan (4) dan Kepala P. 15 dalam Butiran 5 iaitu Perumahan Awam Negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan Kementerian ini yang telah memberi peruntukan yang agak besar iaitu sejumlah \$86,772,615 bagi Perumahan Awam Negeri-negeri dan ini pun satu angka yang besar dan mungkin pihak Kementerian ini akan menimbang untuk meminta peruntukan yang lebih besar lagi pada tahun-tahun yang akan datang. Saya amat gembira dengan butiran ini cuma yang saya rasa kurang gembira ialah dari segi pelaksanaan butiran ini. Apa yang saya dapati iaitu bagi memajukan Projek Perumahan Awam Negeri-negeri kita didapati di antara negeri-negeri yang ada di dalam Malaysia ini sangat jauh perbezaannya dalam pelaksanaannya. Ada negeri-negeri yang dapat melancarkan projek-projek itu dengan begitu lancar sehingga mengikut apa yang diberitahu negeri itu sudah dapat melancarkan peruntukan atau menghabiskan peruntukan yang diberikan kepada mereka itu. Tetapi juga mendukacitakan saya ialah negeri-negeri yang tidak dapat membelanjakan ataupun tidak dapat menghabiskan peruntukan yang diberi oleh Kementerian ini mengikut jadual waktu yang tertentu. Dan masalah ini apabila ditimbulkan dan dipersoalkan maka sudah tentulah banyak masalah-masalah yang dihadapi oleh negeri-negeri yang tertentu. Jadi soalnya kalau Kementerian ini mahu melihat negeri-negeri yang memang sudah mundur sudah diakui dalam penyata ekonomi ataupun dalam mana-mana kenyataan atau kajian yang se-sebuah negeri itu didapati ketinggalan dalam pembangunan Perumahan Awam ini, maka saya berharaplah Kementerian ini mencari

jalan ataupun dalam bahagian yang ada kait-mengait dengan Butiran 3200, Aktiviti (4) pecahan (1) mengenai Penyelarasan dan Pelaksanaan.

Saya rasa amat tidak puas hati mengenai penyelarasan ini di antara Kerajaan ataupun Kementerian ini dengan Kerajaan Negeri sebab banyak sangat tersangkut bagi memajukan satu-satu projek. Saya tidak hendak menyalahkan mana-mana pihak tetapi kita sebagai Wakil Rakyat apabila kita dapati pihak Kementerian menyalahkan negeri dalam bahagian-bahagian tertentu kita berjumpa dengan pihak Kerajaan Negeri, pihak Kerajaan Negeri pula menyalahkan pihak Kerajaan Pusat dengan alasan-alasan yang tertentu kononnya pihak Kementerian ini menentukan syarat-syarat yang tidak boleh diterima oleh negeri ataupun kononnya perkara-perkara yang kecil-kecil titikberatkan oleh Kerajaan Negeri, umpamanya tolak-ansur tidak terdapat dan ini menyebabkan rakyat yang ingin kepada perumahan awam ini tidak dapat dan menjadi lambat.

Soal ini saya rasa dengan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dan matlamat Kementerian ini bagi memajukan projek-projek ini saya harap benar-benar dapat mengatasi masalah ini. Kalau terdapat di negeri-negeri itu kekurangan kakitangan, kekurangan pegawai-pegawai yang dikehendaki oleh pihak Kementerian ini tolong pihak Kementerian ini mengatasi dengan menghantar pegawai-pegawai tertentu dan kalaulah benar tuduhan daripada pihak Kementerian ini yang mengatakan pihak negeri tidak cekap menyediakan perkara-perkara yang diminta oleh pihak Kementerian ini tolonglah Kementerian ini mengatasi perkara ini. Saya tidak ingin benar masing-masing pihak bertegang mahu mengatakan pihak ini yang benar, umpamanya kalau negeri kata pihak dialah yang benar yang betul-betul hendak memberi kemudahan kepada rakyat, pihak dia yang bersungguh-sungguh untuk memberi kemudahan, memajukan projek perumahan ini dan pihak negeri bersungguh-sungguh untuk menghabis-

kan peruntukan yang diberi oleh Kementerian ini tetapi pihak Kementerian pula yang menyusah-nyusah — itu tidak kena, ini tidak kena, itu syarat. Saya harap pada masa akan datang demi untuk membantu rakyat golongan yang rendah yang ingin mendapat milik rumah ini tolonglah mencari satu penyelesaian. Kalau apa yang terdapat kekurangan di negeri tolong beri bantuan, tolong beri nasihat dan tunjuk ajar.

Satu perkara yang selalu sangat disebut oleh pemimpin-pemimpin kita sejak daripada dahulu hingga sekarang ialah masaalah red-tape oleh setengah-setengah pihak. Apakah tidak boleh Kementerian ini cuba merombak setengah-setengah daripada red-tape ini supaya perjalanan ini cepat, projek ini dapat dilaksanakan dengan cepat. Saya bimbang benar sebab selain daripada bimbang itu saya rasa sedikit cemburu dengan setengah-setengah negeri yang begitu cepat menghabiskan peruntukan ini. Kalau Kementerian ini masih memandang sepi dalam masaalah ini tidak bolehkah mengambil contoh daripada negeri-negeri yang begitu lancar menjalankan projek untuk dibawa kepada setengah-setengah negeri yang kurang lancar menjalankan projek, tidak bolehkah tolong mengatasi perkara ini kalau benar-benar Kementerian ini ingin melihat negeri-negeri yang mundur itu dapat dimajukan sebagaimana negeri-negeri lain yang telah maju.

Selain daripada itu masaalah penyelarasan ini juga saya rasa pihak Kementerian ini tentulah ada sangkut-paut yang banyak dengan Kerajaan Negeri walaupun saya rasa bangga pihak Kementerian ini bersungguh-sungguh dalam menjalankan projek ini tetapi sangkut-paut yang begitu banyak ialah masaalah tanah dan ini selalu timbul di dalam Dewan ini, penyelesaian di antara memajukan satu projek dengan masaalah tanah yang sudah tentu menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri. Saya rasa sudah sampailah masanya sekarang ini pihak Kementerian ini mencari jalan bagi menyelaraskan usaha-usaha penyelesaian tanah bagi projek-projek perumahan ini.

Walaupun apabila perkara ini kita timbulkan sudah tentu pihak Kementerian ini akan menjawab ini bukan masaalah kita, masaalah Kerajaan negeri, tetapi saya tidak fikir pihak Kementerian ini tidak dapat mencari satu-satu jalan sebab kalau sudah Kerajaan Persekutuan dapat merangka, mengadakan Undang-undang Tanah Negara maka saya rasa jalan sudah terbuka dan pihak Kerajaan Negeri pun tidak berdegil asalkan pihak Kerajaan Pusat tidak menunjukkan bahawa mereka itu hendak merampas tanah dalam negerinya. Kalau sekadar untuk mencari jalan bagi sama-sama memajukan projek-projek perumahan bagi menyelesaikan masaalah-masaalah yang tersangkut itu saya rasa tidak menjadi masaalah kepada Kerajaan Negeri.

Saya rasa amat dukacita benar dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, sebab apa yang saya pandang beberapa negeri termasuk Negeri Trengganu sendiri boleh dikatakan amat ketinggalan benar dalam melancarkan projek perumahan ini. Masaalahnya seperti yang saya katakan tadi iaitu masaalah syarat-syarat, masaalah tanah dan sebagainya. Saya mengharapkan pihak Kementerian ini yang sudah lengkap dengan kakitangan yang cekap dan cukup bagi membantu Kerajaan-kerajaan Negeri dan boleh bertolak-ansur dalam masaalah-masaalah, tidak usahlah bertegang dengan syarat-syarat yang kita sendiri buat. Saya fikir syarat-syarat yang kita sendiri buat apabila dirundingkan boleh disetujui oleh kedua-dua belah pihak boleh dikendurkan syarat-syarat yang kita sendiri buat dan kita juga boleh mengendurkan syarat-syarat itu.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang saya suka sebut di sini ialah masaalah pengawasan dan penguatkuasaan Kementerian ini. Mengikut pandangan saya pada masa-masa yang sudah Jabatan ini kalau cakap kasarnya kurang bertanggungjawab tetapi kalau bercakap halus ertinya kurang ambil berat, sebab banyak projek-projek yang menelan belanja beratus ribu atau berjuta ringgit yang menjadi perselisihan di antara pihak pemaju dan pembeli.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Pengawasan tidak ada minta apa-apa duit tahun depan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Pengawasan dan Penguatkuasaan.

Tuan Pengerusi: Ya, tahun 1977 ada tetapi tahun 1978 tidak ada minta duit apa-apa pun — tidak payah cakaplah.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Maaf, Tuan Pengerusi, saya pun kurang faham. Yang \$186,000 masuk dalam bracket ini apakah tujuannya? Ada tercatat di sini B. 15, muka 89, kemudian dibracketkan Butiran (i), (ii), (iii), jumlah \$186,000.

Tuan Pengerusi: Itu tahun 1977.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Tetapi tahun 1978 ada \$186,000; tahun 1977 \$406,000.

Tuan Pengerusi: Sabar! muka 89, Butiran 1100.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Butiran 1100, Aktiviti (4).

Tuan Pengerusi: Saya ingat tadi di bawah Butiran 1200. Sekarang boleh teruskan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Jadi inilah saya hendak sebut sedikit masalah pengawasan dan penguatkuasaan. Saya faham dalam tanggungjawab ini termasuk dalam butiran ini, sebab itulah saya suka menyebutkan sebab saya tengok banyak projek-projek yang terbengkalai sampai sekarang tidak boleh diduduki dan projek ini telah berjalan bertahun-tahun dan mungkin di mana salahnya, yang saya rasa di bawah pengawasan ini iaitu kurang mengawasi yang menyebabkan pemaju itu melanggar syarat-syarat yang ditentukan oleh Kementerian dan pihak pembeli pula apabila melihat rumah-rumah ini dibangunkan dengan berlainan sekali dengan pelan yang diluluskan ataupun berlainan se-

kali dengan syarat-syarat yang dikehendaki oleh pihak pemaju ini, oleh pihak Kementerian ini maka sudah tentu pihak pembeli tidak dapat menerima.

Saya rasa projek seperti ini yang ruginya kedua belah pihak, pihak pemaju pun saya rasa rugi, lebih-lebih rugi lagi ialah pihak pembeli dan ini banyak berlaku. Kalau pihak Timbalan Menteri minta saya tunjukkan, saya akan tunjukkan. Sebab perkara ini saya dapat banyak benar terbengkalai, cuma saya hendak sebut, secara umum, kita boleh bisik di luar sahaja. Tetapi saya hendak minta....

Tuan Pengerusi: Dalam Jawatankuasa ini boleh dibutirkan.

Tuan Lukman bin Abdul Kadir: Biarlah ditimbang. Saya hendak minta di masa-masa yang akan datang supaya perkara ini jangan berlaku, perkara yang sudah terlepas ini barangkali kita tidak dapat buat apa-apa kerana mahkamah sahajalah yang menyelesaikannya. Tetapi di masa ke hadapan kalau sudah projek itu berjuta-juta ringgit dimajukan, pelan sudah diluluskan oleh pihak pemaju sedemikian rupa, pihak pemaju sudah menerima syarat Kementerian ini sedemikian rupa tetapi pelaksanaan ini jauh lari daripada apa yang dikehendaki, mana salahnya? Saya rasa salahnya kerana kurang pengawasan. Oleh kerana silapnya di sini, saya haraplah di masa ke hadapan ini Jabatan ini mengambil berat supaya jangan cita-cita Kerajaan untuk memajukan projek perumahan ini tergendala sebagaimana yang sudah-sudah. Jangan dibenarkan kedua belah pihak, mungkin pemaju boleh mati dengan projek ini dan pembeli tak dapat hendak beli rumah lain sebab duit sudah habis dibayar di sini. Jadi siapa yang hendak tanggung tentulah kita semua yang menanggung. Oleh itu, tanggungjawab Jabatan ini saya rasa amatlah berat dan jangan main-main lagi. Kalau hendak awas, awasi betul-betul jangan setakat mengawasi, setakat office pemaju, saya tidak buah tuduhan, atau setakat tak sampai ke tempat orang bekerja tak tengok bagaimana pelannya

dan bagaimana pelaksanaannya. Jangan sampai begitu di masa-masa yang akan datang yang menyebabkan projek ini terbenkakai.

Satu perkara lagi yang saya suka menyentuh sedikit mengenai Aktiviti (3) Pelesenan dan Khidmat Nasihat. Pelesenan ini satu perkara, Khidmat Nasihat ini pula satu perkara. Pelesenan ini saya banyak menerima rayuan ataupun sungutan daripada pemaju-pemaju yang mengatakan pihak pelesenan ini kurang memberi layanan yang memuaskan bagi mendapatkan lesen-lesen pemaju perumahan. Dengan mengenakan syarat-syarat yang tidak dapat ditanggung oleh pihak-pihak pemaju itu sendiri. Saya berharap benar-benar di masa-masa yang akan datang ini lesen-lesen yang hendak dikeluarkan supaya dibuat satu peraturan yang baru yang boleh ditentukan dalam ertikata mengadakan kelas-kelas yang tertentu.

Sebagaimana kita tahu, masalah memajukan satu projek perumahan ini bukan semua projek itu sama besar, sama luas atau sama peruntukannya. Ada terdapat yang hendak dimajukan itu hanya dalam 15, 16 atau 20 buah rumah sahaja dan ada yang hendak dimajukan itu ratusan rumah atau ribuan rumah. Kalau syarat ini tidak ditimbang tentulah pemaju yang hendak cuba memajukan 15, 20 buah rumah umpamanya tidak dapat menerima syarat-syarat yang begitu ketat. Tetapi kalau pemaju-pemaju yang hendak mendirikan 500 atau 1,000 buah tentulah dapat menerima apa sahaja syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian ini. Saya berharap Kementerian ini dapat menimbang dan mengkaji semula mengenai lesen pemaju perumahan ini dengan mengadakan had-had yang tertentu supaya dapat memberi peluang dan pertolongan kepada pemaju-pemaju yang cuba hendak belajar jadi pemaju yang modalnya sedikit cuma hendak bangun rumah pun sedikit. Tentulah saya rasa Kementerian ini dapat menimbang syarat-syarat yang lebih longgar daripada syarat-syarat yang dikenakan kepada pemaju-pemaju yang hendak memajukan rumah 500 atau

1,000 buah. Saya rasa dengan cara ini dapat membantu samada golongan bumiputra ataupun yang bukan bumiputra menceburkan diri dalam lapangan perumahan ini dapat mereka itu melangkah. Apabila mereka ini sudah dapat berjaya menjadi pemaju yang besar saya rasa tentulah mereka ini tidak akan menolak apa sahaja syarat yang dikenakan oleh Kerajaan tetapi jika pemaju yang kecil hendak dikenakan syarat mesti simpan wang sebanyak \$250,000 umpamanya, tentulah mereka itu tidak dapat. Di mana hendak cari duit? Jadi masalah ini saya rasa dapatlah diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak Kementerian ini dan dapat membuat kajian semula dalam memikirkan syarat-syarat bagi mendapatkan lesen pemaju perumahan di dalam negara kita ini.

Mengenai khidmat nasihat, saya rasa, pihak Kementerian ini telah bersungguh-sungguh benar, kalau ada kekurangan mungkin kekurangan itu kekurangan kakitangan atau pegawai yang tidak dapat disalurkan ke seluruh negeri, tetapi saya mengalu-alukan dan bersetuju benar dengan apa yang dijalankan oleh Kementerian ini dalam khidmat nasihat dan saya rasa dapat dibanggakan oleh pihak-pihak pemaju atau pihak-pihak yang berkenaan dalam masalah ini. Cuma patut benar Kementerian ini dapat menambah lagi khidmat nasihat ini supaya dapat meliputi kepada pihak yang berkehendakkan kepada khidmat nasihat.

Akhir sekali, saya mengalu-alukan Kementerian ini yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi mengatasi masalah perumahan dalam negara kita ini yang saya rasa amat bangga dan mengalu-alukan ialah mengenai usaha Kementerian ini bagi menubuhkan Institut Penyelidikan Perumahan Negara. Kalau mengikut apa yang diterangkan dalam buku ini saya rasa kalaulah rancangan ini sampai kepada peringkat kejayaannya maka sudah tentu kita dapat melihat pemaju-pemaju atau pengusaha-pengusaha dalam negara kita ini tidak akan menghadapi

masaalah-masaalah yang mereka hadapi sekarang ini seperti masalah pembantu, masalah perbekalan dan berbagai-bagai masalah lagi. Saya mengalu-alukan usaha Kementerian ini dalam penubuhan Institusi ini dan saya berharap dan berdoa muga-muga usaha ini dapat dijayakan dengan sebaik-baiknya.

4.19 ptg.

Tuan Au How Cheong (Telok Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin hendak menyentuh Kepala B. 15 di muka surat 89, Aktiviti (2) Perancangan dan Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, sebelum Seksyen 214A Kanun Tanah Negara yang mengawal perpecahan ladang-ladang dikuatkuasakan, banyak estet telah dipecahkan (fragmented). Saya bukan hendak berbincang di sini tentang kebaikan atau tidak tentang Undang-undang itu, tetapi tentang kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk yang tinggal di estet-estet yang telah dipecahkan, dan bagaimana Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ini boleh membantu penduduk-penduduk itu. Bolehlah dikatakan banyak rakyat yang menduduki di kawasan-kawasan tersebut di atas tidak dapat perhatian oleh mana-mana pihak pun. Banyak kemudahan seperti jalan-jalan, parit-parit, bangunan-bangunan sekolah dan lain-lain yang dapat dipelihara pada masa yang lalu telah diabaikan pada masa sekarang.

Penduduk-penduduk ini hidup di bawah keadaan yang kurang sihat dan kurang memuaskan. Walaupun mereka telah menjadi tuan punya tanah yang kecil, mereka tidak boleh atau belum menyusun diri mereka sebagai satu masyarakat atau community, untuk mengatasi masalah-masalah atau untuk faedah mereka sendiri.

Saya tidak tahu bagaimana satu kampung baru diwujudkan pada masa sekarang. Tetapi, saya merayu kepada Kementerian ini untuk menolong penduduk-penduduk yang hidup

dalam ladang-ladang yang telah dipecahkan dengan mengiktiraf (recognise) kawasan-kawasan itu sebagai kampung sekurang-kurangnya, kawasan-kawasan yang terdapat rumah-rumah lebih daripada satu bilangan tertentu, katalah 50 buah, patut dipertimbangkan sebagai satu kampung. Kawasan-kawasan itu patut dinamakan atau diberi nama, dengan rasminya, dan kemudahan-kemudahan yang biasa diberi kepada kampung-kampung, patut dibekalkan kepada kawasan atau kampung-kampung baru itu, dari semasa ke semasa, mengikut kedudukan kewangan, supaya masalah kemiskinan dan keadaan melarat dapat diatasi. Tindakan ini adalah selaras dengan objektif Kementerian, seperti yang disebutkan dalam muka surat 1.70 dalam buku Anggaran Belanjawan, 1978. Banyak kawasan ini belum lagi menikmati kemudahan asas seperti air, letrik, jalan, talipon dan penduduk-penduduk itu perlu untuk mendapat bantuan dengan segera.

Masyarakat perkampungan baru ini patut digalakkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan Kampung sebagai satu forum atau badan di mana masalah-masalah tempatan dapat dibincangkan dan disampaikan kepada Kerajaan.

Saya harap cadangan ini dapat ditimbang oleh Kerajaan, khususnya oleh Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ini.

4.24 ptg.

Tuan S. Samy Vellu (Sungei Siput): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong perbelanjaan yang diutukkan kepada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, rumah adalah keperluan bagi setiap umat manusia di dalam negara yang membangun seperti Malaysia, kehendak dan keperluan memiliki rumah adalah satu cabaran kepada pembangunan sosial, ekonomi dan politik. Saya gembira menyatakan bahawa Kerajaan kita telah menyedari

problem perumahan yang dihadapi oleh negara kita tetapi walau bagaimanapun saya dukacita menyatakan bahawa kemajuan setakat ini kurang memuaskan, justru itu telah membuatkan keadaan lintang-pukang dengan wujudnya kawasan setinggan dan bertambahnya kawasan yang tidak mencukupi bukan sahaja dalam memperjuangkan tempat berteduh tetapi juga dari segi infrastruktur dan kemudahan masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya menghargai approach yang dilakukan oleh Kerajaan dalam urbanisation yang dirancangkan tetapi mestilah mendesak bahawa Kerajaan hendaklah mengambil terus tanggungjawab yang berat ke arah menyediakan environment kehidupan yang baru untuk golongan penduduk yang berpendapatan rendah dan sederhana. Peranan yang dimainkan oleh Kementerian mestilah diperluaskan lebih jauh bukan setakat mendirikan unit rumah kediaman sahaja tetapi hendaklah mewujudkan kemudahan bagi faedah keseluruhan masyarakat yang mencerminkan perancangan integrasi politik, sosial dan ekonomi.

Tuan Pengerusi, Kementerian telah beberapa kali mengemukakan tujuannya hendak membentuk sebuah study group untuk melaksanakan projek perumahan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap di bawah tajuk mana?

Tuan S. Samy Vellu: Kepala P. 15, mengenai pelaksanaan projek-projek perumahan.

Tuan Pengerusi: Jangan bercakap terlalu umum, kalau dapat sebutkan apa tajuknya dan aktiviti berapa, kerana kita dalam peringkat Jawatankuasa sekarang.

Tuan S. Samy Vellu: Di bawah Kepala P. 15 Butiran 1 — Perumahan Awam Negeri-negeri.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan!

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Pengerusi, untuk

melaksanakan projek perumahan seumpama itu study group itu setakat yang kita tahu masih belum menyerahkan hasil kajiannya. Apakah faktor yang melewatkan pelaksanaan rancangan tersebut. Rumah-rumah yang disertakan dengan kemudahan dalam alam sekitar adalah sebahagian keperluan yang diidamkan oleh kehidupan manusia tetapi sebahagian besar penduduk di dunia ini ditempatkan di dalam rumah yang tidak sesuai dengan keadaan alam sekitar yang tidak sihat. Kita cukup sedar bahawa keseluruhan keadaan perumahan telah terus terang begitu buruk di dalam kebanyakan negara-negara yang membangun sejak beberapa dekad yang lampau.

Tuan Pengerusi, setelah menyedari akan punca-punca yang menyebabkan berlakunya kemunduran keadaan perumahan yang berterusan dan kekurangan sumber-sumber untuk memenuhi keperluan penduduk yang bertambah di dalam sektor luar bandar dan bandar. Allahyarham Tun Abdul Razak bekas Perdana Menteri kita telahpun menubuhkan satu tabung pusingan. Saya ingin menyatakan di dalam sejarah negara kita satu contoh terbaik ke arah mempertingkatkan peningkatan darjah golongan yang berpendapatan rendah di dalam negara ini memiliki rumah....

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat tadi bercakap dalam Kepala P. 15 iaitu Butiran 1, Perumahan Awam Wilayah Persekutuan, janganlah pergi ke lain-lain pula.

Tuan S. Samy Vellu: Saya ikut bercakap di bawah Kepala P. 15, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tetapi umum sangat daripada mula tadi.

Tuan S. Samy Vellu: Sebelum saya datang ke P. 15, saya beri sedikit penjelasan atas projek dan keadaan yang ada di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bertolak dari tempat yang begitu jauh tetapi tajuknya

adalah Perumahan Awam Wilayah Persekutuan.

Tuan S. Samy Vellu: Di bawah Kepala P. 15, Butiran 5 sejumlah \$32,400 telah diperuntukkan kepada Perumahan Awam di dalam Wilayah Persekutuan untuk pelaksanaan lanjutan rancangan perumahan. Dalam hubungan ini, saya suka menyatakan bahawa ramai orang-orang yang telah bekerja dengan Kerajaan tidak diberikan peruntukan. Saya telah mendapat tahu dalam pembahagian rumah-rumah, keutamaan diberikan kepada setinggan-setinggan untuk mereka berpindah ke dalam rumah-rumah awam, tetapi mereka yang telah menghabiskan sebahagian besar masa hidupnya untuk berkhidmat dengan cemerlang dengan Kerajaan tidak diberikan pertimbangan langsung.

Tuan Pengerusi, saya diberitahu bahawa polisi serta-merta Dewan Bandaraya adalah untuk menimbangakan pembahagian rumah-rumah itu kepada para setinggan. Tetapi apalah halnya orang-orang yang mematuhi undang-undang dengan tidak mendirikan rumah-rumah setinggan walaupun issue itu telah menjadi satu kehendak yang paling berleluasa.

Saya fikir ini adalah satu perkara ganjil kerana orang-orang yang membelakangkan undang-undang yang terus membina rumah-rumah setinggan diberikan peluang mendiami rumah pangsa awam sedangkan mereka yang sentiasa patuh kepada undang-undang dikecualikan. Kalaupun keadaan ini berterusan, saya khuatir ada kemungkinan orang-orang yang taat setia kepada undang-undang turut serta membelakangkan undang-undang dan akan berfikir bahawa cara-cara yang mudah mendapatkan rumah pangsa dengan mudah dari Dewan Bandaraya ialah dengan mendirikan rumah-rumah setinggan secara haram. Ini kesudahannya akan menimbulkan lebih banyak problem kepada Kerajaan. Oleh itu, saya meminta Kerajaan memberi perhatian serius supaya dapat diperuntukkan rumah-rumah murah kepada mereka yang telah tua

dan telah bersara dari Jawatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Kepala P. 15, Butiran 31 — Kemajuan Perkampungan. Saya dapat tahu kita ada beri lebih kurang sejuta ringgit peruntukkan kepada kampung-kampung baru. Di samping merujuk kepada kampung-kampung baru dan peruntukannya berjumlah \$4 juta saya mesti menyebutkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa problem-principal utama yang dihadapi oleh kampung-kampung baru ini adalah kekurangan tanah yang paling hebat melibatkan kawasan dan penghuni yang berlebihan di dalam tiap-tiap rumah kediaman. Kampung-kampung baru ini telah didirikan lebih kurang semenjak 25 tahun yang lampau tetapi keluasannya masih tidak berubah pada hal penghuni-penghuni telah membiak dengan bilangan keluarga yang berlipat ganda dalam tempoh 25 tahun yang tersebut. Kita sungguh sedih melihat keadaan yang sedemikian rupa kerana kebanyakan mereka mempunyai tiga atau empat buah keluarga yang tinggal di dalam sebuah rumah yang kecil iaitu dalam rumah-rumah yang diberikan kepada penghuni yang asal sejak 25 tahun yang lalu. Saya fikir telah sampailah masanya bagi Kementerian menimbangakan kemudahan memperluaskan tiap-tiap kampung baru yang dalam keadaan mendesak untuk memperolehi kawasan-kawasan tambahan.

Saya tidak hendak menceritakan lebih panjang problem alam sekitar di kampung baru ini kerana saya telah menyebutkannya beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini. Saya rasakan problem utama yang dihadapi oleh kampung-kampung baru ialah kawasan dan saya minta Kerajaan memberikan perhatian yang teliti untuk menyelesaikan problem-principal mereka.

4.33 *ptg.*

Tuan Lee Lam Thye: (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin merujuk kepada P. 15 muka surat 94, Butiran 31 mengenai Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, dari Belanjawan Persekutuan tahun 1978 untuk kemajuan perkampungan saya memerhatikan bahawa hanya \$4 juta akan dibelanjakan pada tahun 1978 jika dibandingkan dengan peruntukan \$6 juta untuk tahun 1977. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga saya juga perhatikan bahawa hanya \$19 juta akan dibelanjakan untuk kemajuan perkampungan. Saya merasa kesal bahawa hanya sebilangan wang yang kecil yang berjumlah \$4 juta akan dibelanjakan untuk kemajuan perkampungan untuk tahun akan datang dan hanya \$19 juta diperuntukkan untuk memajukan kampung-kampung baru di bawah Rancangan Malaysia Ketiga apabila kita memerhatikan bahawa sejumlah \$863 juta akan dibelanjakan untuk Pembangunan Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar. Macam mana jumlah yang diperuntukkan ini iaitu jumlah \$4 juta boleh dianggap sebagai jumlah yang cukup untuk memodenkan kampung-kampung baru di negara kita. Adalah ternyata bahawa Kerajaan tidak begitu memberi perhatian yang serius dan utama kepada kemajuan perkampungan. Jika kerajaan sebenar-benarnya untuk melancarkan satu rancangan yang benar-benar dapat membawa faedah kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung baru saya rasa adalah mustahak supaya jumlah ini dapat ditambah dan mesti ditambah.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, pada dua puluh tahun yang lepas sejumlah sejuta penduduk-penduduk yang tinggal di dalam lebih kurang 450 kampung-kampung baru dalam negara kita telah tertinggal dari mainstream pembangunan negara dan tidak diberikan wang pembangunan yang cukup dan bermakna. Selain daripada menyatakan bahawa mereka sedar tentang masalah di kampung-kampung baru. Kerajaan telah gagal sehingga hari ini untuk berusaha dengan sebenarnya mengurangkan masalah-masalah asas yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung

baru berkaitan dengan bermacam-macam, berjenis-jenis masalah seperti masalah kemiskinan, kurang security of tenure dan kekurangan pembaikan infrastruktur kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi, dalam menjawab satu soalan yang dibangkitkan oleh pihak kami dalam mesyuarat Dewan ini Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan ada menyatakan bahawa penyelidikan telah mula dijalankan bagi 12 kampung-kampung baru dengan tujuan menyasat masalah sosio-ekonomi yang dihadapi oleh mereka. Penduduk-penduduk kampung baru yang datang daripada 450 kampung-kampung baru dalam negara kita merasa sangat keciwa bahawa setakat ini Kerajaan belum membuat apa-apa untuk memperbaiki kualiti kehidupan penduduk-penduduk dalam kampung-kampung baru kecuali apabila mereka menyatakan bahawa penyelidikan telah mula dijalankan dalam 12 kampung-kampung baru sahaja. Apa yang lebih mendukacitakan ialah Kementerian yang berkenaan telah menyatakan samada Pelan Induk untuk kampung-kampung baru akan atau tidak dilaksanakan adalah bergantung kepada laporan-laporan dan kajian-kajian yang timbul dari penyelidikan yang sedang dijalankan oleh Kementerian dan pertimbangan Kerajaan kelak. Ini amat tidak memuaskan kerana tiada jaminan tegas bahawa satu Pelan Induk dapat dilaksanakan untuk memodenkan kampung-kampung baru di negara kita. Saya menyeru Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan supaya jangan memberi jawapan yang kurang jelas di Dewan ini tetapi beliau hendaklah memberi satu jaminan yang tegas yang beliau akan berusaha mendapatkan wang yang lebih serta juga merangka dan melaksanakan satu rancangan untuk kemajuan perkampungan.

Selain daripada ini, saya ingin merujuk sedikit mengenai perkara Institut Penyelidikan Perumahan Negara di bawah Kepala P. 15 Butiran 5, muka surat 93.

Tuan Pengerusi, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, saya dapat tahu bahawa satu Instituti Penyelidikan Perumahan Negara akan didirikan di dalam Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Saya sendiri berpendapat bahawa satu Instituti Penyelidikan Perumahan adalah sangat mustahak di masa ini dan telah lama ditunggu-tunggu apabila lebih banyak penyelidikan hendak dijalankan untuk mencari langkah-langkah yang berkesan bagi menolong industri perumahan supaya menghasilkan banyak lagi rumah-rumah yang bermutu tinggi dalam jangka masa yang singkat dan dengan harga yang rendah di mana rakyat Malaysia dapat memilikinya.

Dalam hubungan ini saya ingin menyeru kepada Kerajaan supaya mengambil langkah yang perlu bagi mempercepatkan penubuhan satu instituti penyelidikan perumahan. Rakyat Malaysia khususnya mereka dari golongan pertengahan dan pendapatan rendah hari ini mengalami kesukaran untuk mendapat dan memiliki rumah oleh sebab dua masalah yang besar.

Yang pertama, Kerajaan atau pihak awam tidak dapat mendirikan rumah-rumah murah dan sederhana yang cukup untuk golongan yang berkenaan.

Yang kedua, pemaju-pemaju swasta mengenakan harga yang tinggi untuk rumah swasta akibatnya rakyat miskin tidak dapat atau mampu memilikinya, lebih-lebih lagi pemaju-pemaju perumahan tidak langsung memberi perhatian yang serius, yang berat bagi mendirikan rumah-rumah kos rendah.

Untuk sebuah rumah berderet satu tingkat yang didirikan oleh pemaju swasta tidak termasuk projek usahasama atau joint-venture dengan mudah sahaja harganya menjadi dalam lingkungan \$30,000 hingga \$35,000 dan sebuah rumah berderet dua tingkat dia akan menjadi lebih kurang \$50,000 hingga \$60,000.

Tuan Pengerusi, dari tanda-tanda yang

dapat dilihat ternyatalah harga-harga rumah yang didirikan oleh pemaju-pemaju perumahan tidak akan turun kerana mereka mempunyai banyak helah-helah untuk menyakinkan harga-harga rumah mereka adalah adil. Akhirnya, siapa yang menderita? Sudah tentu golongan pertengahan dan pendapatan rendah. Memandangkan perkara yang tersebut itu, saya berpendapat Instituti Penyelidikan Perumahan Negara penting ditubuhkan bagi mencapai matlamat-matlamat yang berikut:

- (i) Bagi membantu pembina dan pemaju-pemaju rumah mengatasi masalah teknikal.
- (ii) Bagi menambahkan penggunaan bahan-bahan perumahan tempatan dan kurangkan penggantungan terhadap bahan-bahan yang diimport.
- (iii) Bagi mencari jalan-jalan terbaharu untuk menggunakan sumber-sumber dan bahan-bahan tempatan untuk pembangunan perumahan.
- (iv) Yang lebih mustahak, bagi mencari jalan-jalan menurunkan harga rumah-rumah tanpa mengurbankan mutu rumah-rumah tersebut.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin berucap sedikit mengenai Kepala P. 15 muka surat 93, Butiran (1) Perumahan Awam Wilayah Persekutuan. Tuan Pengerusi, di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sejumlah wang \$103 juta lebih kepada Dewan Bandaraya untuk membina lebih kurang 31,700 yunit rumah kos rendah untuk golongan pendapatan rendah di Wilayah Persekutuan. Dari jumlah \$103 juta yang tersebut di atas Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan wang sejumlah \$32,400,000 untuk dibelanjakan pada tahun 1978. Menurut sasaran perumahan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini bermakna Dewan Bandaraya dikehendaki membina lebih kurang 6,340 yunit rumah-rumah kos rendah pada tiap-tiap tahun tetapi bolehkah kita mencapai sasaran 6,340 yunit rumah kos rendah setiap tahun?

Jika kita memandangkan rekod di Dewan Bandaraya bagi tahun 1976 dan tahun 1977, kita dapat perhatian kegagalan Dewan Bandaraya untuk memenuhi pelaksanaan rancangan perumahan sebagai yang dijadualkan.

Pada tahun 1976 iaitu tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan Persekutuan mengarahkan Dewan Bandaraya supaya membina 10,000 unit rumah kos rendah.

Pada tahun 1976 telah datang dan lalu tetapi berkaitan dengan berapa ribu unit yang Dewan Bandaraya memulakan pembinaan pada tahun 1976 tidak ada dapat satu unit pun yang telah disiapkan untuk kediaman atau untuk diduduki pada tahun yang sama. Pada tahun 1977 Yang Berbahagia Datuk Bandar dalam ucapan Belanjawannya menyatakan bahawa 7,868 unit rumah-rumah kos rendah dalam proses pembinaan di dalam mana 3,232 unit akan disiapkan untuk didiami.

Tuan Pengerusi, kita telah hampir akhir tahun 1977 dan sehingga ini hanya 1,468 unit telah siap diduduki. Rumah-rumah yang berikut ialah:

- (1) Di Jalan San Peng Tingkatan II yang terkandung 792 unit.
- (2) Di Jalan Cheras Batu 3½ cluster houses 676 unit.

Memandangkan kepada hujah-hujah tersebut di atas adalah ternyata bahawa rancangan perumahan untuk Wilayah Persekutuan sangatlah mengecewakan dan saya rasa masanya telah tiba bagi Kerajaan Persekutuan bertindak menggesa pihak Dewan Bandaraya untuk mengkaji semula dasar-dasar perumahannya. Pada pandangan saya adalah sangat perlu bagi Dewan Bandaraya menganalisa sebab-sebab kelewatan Dewan Bandaraya untuk menyiapkan rumah-rumah yang dijadualkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Untuk menghubungi dan mengatasi masalah ini Dewan Bandaraya patut menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk mengkaji sebab-

sebab kelewatannya untuk membina dan menyiapkan rumah-rumah kos rendah yang cukup untuk keperluan rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, pada dua hari yang lepas ada keluar dalam suratkhbar tempatan satu kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang bercadang bahawa Kerajaan tempatan patut menggunakan tanah Kerajaan yang kosong yang diperuntukkan untuk projek-projek Kerajaan tetapi projek tersebut belum dilaksanakan supaya tanah-tanah tersebut digunakan untuk membina rumah-rumah sementara (transitional houses). Saya berminat terhadap cadangan Yang Berhormat itu tetapi saya harap bahawa cadangan itu bukan disuarakan sahaja tetapi satu arahan mesti dikeluarkan dengan serta-merta kepada semua pihak Berkuasa Tempatan supaya tindakan diambil untuk menggunakan tanah Kerajaan yang kosong bagi membina rumah-rumah sementara untuk golongan yang sangat memerlukan rumah itu. Memandangkan kepada masalah kekurangan rumah yang begitu serius di dalam Wilayah Persekutuan saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan dapat mengarahkan Dewan Bandaraya supaya mengambil tindakan dengan serta-merta untuk menggunakan tanah Kerajaan yang kosong bagi membina rumah transitional untuk kegunaan atau untuk kediaman golongan yang berpendapatan rendah.

Sekarang saya ingin merujuk sedikit kepada Kepala B. 15, muka surat 92, Aktiviti (3) Pelesenan dan Khidmat Nasihat. Di dalam buku Anggaran Belanjawan 1978, Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan telah menerangkan bahawa Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat bertujuan menadbir dan menguatkuasakan perbekalan-perbekalan mengikut Akta Mengawal dan Melesen Pemaju-pemaju Perumahan 1966 dan juga bersedia memberi khidmat nasihat bukan sahaja kepada bakal-bakal pembeli rumah tetapi juga kepada siapa sahaja yang ingin berkecimpung dalam pembinaan perumahan.

Memandangkan kepada peranan bahagian yang begitu penting dan begitu mustahak ini, ingin saya mencadangkan bahawa Kementerian memperlengkapkan Bahagian Pelesenan Khidmat Nasihat dengan kakitangan yang cukup dan yang berkelibar supaya bahagian ini dapat menjalankan tugasnya dengan lebih efektif.

Ingin saya tegaskan di sini bahawa adalah tidak berguna mengadakan satu bahagian seperti ini sekiranya ia tidak dapat memberi apa-apa kesan ataupun yang berguna. Pada masa ini bahagian ini tidak dapat bergerak dengan berkesan oleh kerana kekurangan kakitangan yang berkelibar untuk menjalankan tugas-tugas mereka untuk memberi nasihat kepada bakal pembeli-pembeli rumah dan apa yang lebih mustahaknya untuk membuat pemeriksaan di tiap-tiap sekim perumahan baru untuk menentukan samada pemaju-pemaju perumahan ada melanggar peruntukan-peruntukan Akta Pemaju-pemaju Perumahan, 1966 atas kepentingan pembeli-pembeli rumah.

Dalam hubungan ini ingin saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah pegawai-pegawai penguatkuasa yang telah dilantik untuk menjalankan tugas-tugas seperti ditetapkan oleh Bahagian Pelesenan dan Khidmat Nasihat ini? Mengikut pengetahuan saya bahagian ini tidak mempunyai kakitangan penguatkuasa yang cukup dan oleh yang demikian ia tidak dapat berjalan dengan lebih efektif.

Atas perkara yang sama saya ingin menyenutuh berkaitan dengan satu daripada masalah utama yang dihadapi oleh pembeli-pembeli rumah ialah pelanggaran kehendak-kehendak kontrak (contractual obligations) kerap kali oleh pemaju-pemaju perumahan selepas perjanjian-perjanjian rumah ditandatangani. Tuan Pengerusi, meskipun terdapat pemaju-pemaju perumahan yang jujur tetapi terdapat juga pemaju-pemaju perumahan yang tidak jujur dan tidak bertanggungjawab. Golongan pemaju-pemaju perumahan inilah yang mem-

berikan pembeli-pembeli rumah layanan yang tidak adil serta juga melanggar segala peruntukan yang terkandung dalam kontrak penjualan rumah-rumah. Akhbar-akhbar seringkali menyiarkan surat-surat aduan dari pembeli-pembeli rumah yang menceritakan bagaimana mereka diberi layanan yang tidak adil oleh pemaju-pemaju perumahan dan mereka meminta Yang Berhormat Menteri yang berkenaan atau Kementerian yang berkenaan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka. Pembeli-pembeli rumah ini setiap kali diminta berhubung dengan peguam-peguam mereka untuk membangkitkan kes mereka di mahkamah biasa. Pada masa sekarang Kementerian Perumahan dan Perkampungan hanya mendakwa pemaju-pemaju perumahan di mahkamah biasa jika didapati pemaju-pemaju perumahan itu telah melanggar Akta Perumahan, Pelesenan dan Kawalan dan peruntukan-peruntukannya. Perlu dinyatakan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa jika pembeli-pembeli rumah dikehendaki mendapatkan keadilan menerusi mahkamah biasa, ini hanya akan merupakan satu proses yang panjang dan sukar. Adalah diketahui umum pertelingkahan-pertelingkahan perumahan akan mengambil masa yang amat panjang sebelum ianya dihakamkan di dalam sebuah mahkamah biasa dan akibatnya pembeli-pembeli rumah akan mengalami banyak kerugian.

Memandangkan kepada ini, saya rasa sudahlah sampai masanya untuk ditubuhkan satu panel yang dikandungi oleh Wakil Kementerian yang berkenaan, wakil daripada Persatuan Pemaju Perumahan, wakil Persatuan Pengguna-pengguna dan ahli-ahli teknik sebagai jurutera, akitek dan lain-lain untuk tujuan mendengar dan menghakamkan pertelingkahan-pertelingkahan perumahan di antara pemaju-pemaju dan pembeli-pembeli rumah.

Tuan Pengerusi, dengan berbuat demikian, saya rasa yakin pertelingkahan-pertelingkahan perumahan dapat diselesaikan dengan seawal-awalnya dan keadilan dapat dinikmati

oleh orang-orang yang menjadi mangsa pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab dengan secepat mungkin.

4.55 ptg.

Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong peruntukan bagi Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Sebelum itu izinkan saya menyentuh Kepala P. 15, Butiran 2, Butiran 5 dan Butiran 31.

Tuan Pengerusi, masalah perumahan telah menjadi problem nasional pada hari ini. Di antara dasar Kementerian ini yang saya tertarik hati untuk membahaskan dan memberikan teguran ialah berkaitan dengan peruntukan menyediakan rumah kos murah bagi orang-orang yang berpendapatan rendah dan orang miskin. Dasar ini disambut baik tetapi masaalah yang dibimbangkan ialah adakah matlamat dan hasrat Kementerian ini khususnya hasrat Kerajaan untuk menyediakan rumah kos murah semata-mata bagi orang yang berpendapatan rendah dan miskin itu akan tercapai atau tidak. Masaalahnya pada pendapat umum Kementerian ini kurang mengawasi di dalam menyelesaikan masaalah pemberian rumah kepada yang memerlukan rumah-rumah murah itu. Orang-orang yang berpendapatan rendah dan orang miskin terdapat selalu tertindas dan selalu kena peras untuk mendapatkan satu yunit rumah di mana raket pernah berlaku biasanya di tempat-tempat yang permintaannya banyak dan yunit rumahnya kurang. Kalaulah kita mendengar biasa berlaku pada agen-agen motokar di mana satu jenis motokar yang laris ada football money, begitu juga berlakunya kepada rumah-rumah kos murah ini. Berlakulah juga football money untuk mendapatkan satu yunit rumah. Jadi matlamat Kerajaan atau matlamat Kementerian untuk menyelesaikan masaalah bagi orang-orang yang berpendapatan rendah dan orang miskin untuk mendapatkan rumah kos murah itu terjejas dan dieksploitasikan oleh orang-orang yang bertanggungjawab dalam mengurus dan menyele-

saikan pemberian rumah kepada mereka yang patut mendapatnya.

Di sini saya menyeru supaya Kementerian ini mengadakan satu cara yang tegas untuk menyasat dan mengatasi masaalah ini supaya keadaan itu dapat diperbaiki dan orang-orang yang benar diperuntukkan bagi projek itu dapat menikmati. Pada hari ini kalau kita siasat atau buat kajian....

Tuan Pengerusi: Kepala mana Yang Berhormat bercakap?

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Butiran 2 Kepala P. 15.

Tuan Pengerusi: P. 15 — Rancangan Perumahan Kampung Baru?

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Ya, dan Butiran 5.

Tuan Pengerusi: Minta pergi kepada detail. Yang Berhormat bercakap prinsipnya. Sila tegur atas detail, mengapa ianya tidak cukup.

Tuan Haji Jamil bin Ishak: Berkenaan dengan Butiran 31 — Kemajuan Perkampungan, Tuan Pengerusi, di kawasan saya ada satu kawasan perkampungan kecil dinamakan Sekinchan. Di situ terdapat jalan-jalannya terlalu buruk dan memerlukan jalan itu diperbaiki dan patut dibuat lebih baik dan diganti dengan jalan minyak tar. Keadaannya sangatlah mendukacitakan kerana keadaannya begitu buruk dan penduduk-penduduk di situ sukar terutama bagi kanak-kanak mereka keluar sekolah selalu di waktu hujan terlewat masa sampai ke sekolah. Pada tahun sudah ada juga bantuan diberi oleh Kementerian ini sebanyak \$80,000 lebih kurang, tetapi malangnya peruntukan itu didatangkan lambat dan tidak juga berapa mencukupi. Bagi tahun ini saya harap dapat dipertimbangkan supaya keseluruhan jalan yang ada di kawasan kampung baru itu diperbaiki dan ditambah dengan peruntukan yang menasabah.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan B. 15, Aktiviti 4 (iii) Penyelidikan dan Perancangan Teknik. Di sini saya menyerulah supaya Kementerian ini dapat membuat kajian semula berkenaan dengan kos-kos rumah ini supaya dapat diturunkan harganya daripada keadaan pada hari ini. Pada pendapat saya, boleh dilakukan dan dapat mengurangkan kos rumah yang ada pada hari ini sekiranya research dibuat atau planning disediakan iaitu bagi mengawal barang-barang keperluan seperti batu, pasir, besi, simen dan lain-lainnya dijadikan peruntukan nasional interest untuk pembinaan rumah bagi pihak Kementerian ini. Kalau ini dilakukan saya rasa kita dapat kawalan dan dapat mengurangkan kos rumah yang ada pada hari ini. Begitu juga Kementerian ini kalau dapat bekerjasama dari Kerajaan-kerajaan Negeri seperti tanah-tanah untuk dibuat projek rumah. Tanah itu dapat direndahkan kosnya maka harga rumah mungkin dapat dikurangkan. Masaalah ini kalau dibuat study yang lebih intensif, saya rasa kos-kos rumah dapat dibaiki dan dapat direndahkan seperti mana yang disuarakan oleh pembeli rumah.

Saya rasa itulah sahaja teguran saya dan saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

5.03 ptg.

Tuan Su Liang Yu (Bruas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh serba sedikit Kepala P. 15 Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Butiran 1100, Gaji dan Upahan, Aktiviti (2) Perancangan dan Kemajuan Perkampungan yang diperuntukkan sebanyak \$183,400 dan Aktiviti (4) Perumahan Negara di mana peruntukan sebanyak \$1,044,700 diberi kepada Kemajuan Perumahan dan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, kita tidak boleh menafikan bahawa Kementerian Perumahan ini menjadi sebuah badan yang penting kerana kemudahan-kemudahan perumahan adalah keperluan asas selain daripada makanan, keselamatan dan riadiah.

Walaupun boleh dinyatakan Kementerian ini telah berjaya membawa berbagai kemajuan di dalam menyediakan keperluan asas ini kepada rakyat jelata namun demikian terdapat kelemahan-kelemahan yang jelas yang boleh diperbaiki dan diatasi.

Dalam hubungan ini pihak yang berkuasa dalam hal perancangan dan kemajuan perkampungan perlu memperlicinkan pentadbiran dan pengelolaannya supaya rakyat jelata diberi keperluan asas yang kurang memuaskan sekarang. Pada amnya terdapat kampung-kampung baru yang tidak terancam tetapi berselerak sehingga membawa suasana dan keadaan kesihatan yang buruk kepada penduduk-penduduk di situ. Biasanya kemudahan-kemudahan memperbaiki keadaan kesihatan seperti jamban atau tandas dan bekalan air amat buruk sekali. Ada kalanya najis yang mengalir mengikut saliran tidak keluar ke dalam tempat yang ditentukan tetapi mengalir semula ke perigi atau telaga di mana penduduk-penduduk terpaksa menggunakannya untuk minuman, membasuh dan mandi. Di sinilah betapa perlunya pihak yang berkuasa menimbangkan kemungkinan menyediakan kemudahan-kemudahan memperbaiki lagi keadaan kesihatan serta menyediakan bekalan air paip ke kawasan-kawasan kampung-kampung baru. Saya rasa di samping bantuan Kerajaan yang diperolehi Majlis Tempatan haruslah juga memuaskan peranan utama menjimatkan masa dan tenaga untuk memenuhi hasrat dan menjamin keperluan dan kepentingan penduduk-penduduknya. Terdapat kini kebanyakan Majlis Tempatan tertentu yang cuai dan kurang bertanggungjawab, sebaliknya menumpukan perhatian memperoleh keuntungan diri sendiri sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kawasan kampung-kampung baru perlu diperluaskan lagi sempadan perumahan memandangkan bilangan penduduk-penduduk yang kian bertambah. Keadaan yang boleh dilihat jelas sekarang ialah satu keadaan yang penuh sesak dan amat menjolok mata, memalukan dan menyakitkan mata orang-orang awam.

Kerajaan haruslah menyedari keadaan buruk ini dan mengambil langkah positif mengatur semula rancangan perumahan supaya lebih kemas dan sihat dari segi sosial dan ekonomi.

Saya telah memerhatikan sendiri bahawa kebanyakan kampung-kampung baru ketiadaan kemudahan recreation dan kanak-kanak biasanya bermain di dalam parit, kolam, ataupun belukar. Jarak dari sebuah rumah dengan sebuah rumah yang lain tidak lebih daripada lima kaki dan dengan keadaan sebegini bagaimanakah kanak-kanak dapat meluangkan masa bermain atau bersukaria. Dalam soal ini polisi Kerajaan menubuhkan kampung-kampung baru perlu ditukar supaya mencerminkan identiti nasional iaitu mengadakan perimbangan perkauman. Apa yang dapat diperhatikan ialah hanya dapat satu jenis kaum yang menduduki kampung-kampung baru. Jadi usaha muhibbah tidak ada langsung yang boleh disibar luas di kampung-kampung baru.

Tentang masalah perumahan peranan dasar haruslah diberatkan dan mempraktikkan dengan segera. Adalah tidak mencukupi mengejar kemajuan dengan kebendaan di beberapa buah negara, kita kukuh dan stabil jika masih terdapat orang ramai yang menderita kerana tidak berumah. Seringkali Kerajaan telah menyuarakan bahawa ianya akan menyelesaikan masalah perumahan dan mendirikan rumah-rumah pangsa yang murah dan berekonomi. Tetapi adalah dikesalkan diberitahu bahawa perkara ini tidak banyak yang tercapai, ada kalanya rumah-rumah murah ini telah mahal daripada yang didirikan oleh pihak swasta.

Setakat ini majoriti rakyat jelata yang terpaksa menduduki tanah haram dan rumah yang didirikan oleh mereka tidak berbeza dari kandang lembu atau kambing. Hal yang rumit dan memalukan ini dibiarkan dan diketepikan sahaja. Sebaliknya Kerajaan mengambil tindakan terhadap orang yang menduduki tanah haram tersebut. Tetapi Kerajaan tidak menyedari bahawa penduduk-penduduk

tanah haram ini terpaksa mencari tanah haram lain kerana tidak mempunyai rumah. Kenapa tidak mengadakan satu rancangan kilat untuk menyediakan tanah-tanah yang terbiar di merata-rata untuk digunakan sebagai tapak perumahan. Di sini Kerajaan bolehlah memberi sekeping tanah seluas satu atau dua ekar untuk mendirikan rumah dan bercucuk tanam sendiri. Jika boleh Kerajaan juga dapat memberi sedikit subsidi untuk mendirikan rumah. Memandangkan hal ini, saya menyeru kepada Kerajaan mendirikan lebih lagi rumah-rumah murah dan berekonomi dengan menyelesaikan masalah perumahan yang amat rumit dan menjadi satu keperluan pada masa ini.

5.14 ptg.

Toh Puan Oon Zariah binti Abu Bakar (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya menyokong penuh peruntukan sebanyak \$140,271,135 bagi Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan. Di sini saya ingin bercakap sedikit di bawah Kepala P. 15, Butiran 5 — Perumahan Awam Negeri-negeri, di muka surat 93.

Tuan Pengerusi, jumlah wang yang diperuntukkan bagi projek-projek perumahan bagi negeri-negeri masih tidak mencukupi dan tidak memuaskan jika dipandang dari segi peri mustahaknya Kerajaan mengatasi masalah-masalah perumahan rakyat di negara ini. Di dalam hubungan ini, saya mencadangkan Kerajaan seharusnya memberi keutamaan dan peruntukan yang lebih kepada projek-projek perumahan di negeri-negeri yang amat memerlukannya.

Saya suka menarik perhatian Kementerian ini kepada satu golongan masyarakat miskin yang selama ini tidak difikirkan langsung tentang masalah perumahan yang mereka hadapi iaitu kaum nelayan dan petani. Sekiranya ditinjau dari sepintas lalu maka kelihatanlah bahawa keadaan perumahan mereka amatlah menyedih dan mendukacitakan. Kebanyakan mereka tinggal di rumah-rumah yang saya rasa tidak selayaknya diduduki

mereka sebagai manusia biasa yang perlukan perlindungan dari hujan dan panas. Kementerian yang berkenaan hendaklah mengatur satu rancangan perumahan khusus bagi nelayan dan petani dengan mengadakan projek-projek perumahan kos rendah dengan etikata yang sebenar setaraf dengan kemampuan mereka. Untuk berbuat demikian, pihak bertanggungjawab mesti mengambil keuntungan paling minima di dalam mengusahakan projek perumahan yang saya maksudkan ini.

Tuan Pengerusi, sekianlah sahaja dan saya menyokong peruntukan ini.

5.17 ptg.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah Kepala P. 15, Butiran 11, muka surat 94 di mana Negeri Sarawak mendapat pinjaman \$8,998,800 bagi pelaburan dalam Perbadanan Kemajuan Perumahan Negeri, iaitu untuk membina 4,300 yunit rumah seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sebentar tadi. Ini kami mengucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan.

Bagi Negeri Sarawak pada hari ini bermacam-macam nama Pemaju Perumahan Swasta yang berlesen serta agensi-agensi Kerajaan dan juga Kementerian Perumahan yang mentadbir dan menguatkuasakan mengikut Akta yang tertentu. Bagi pemaju perumahan swasta bolehlah saya katakan tidak terdapat di kawasan luar bandar, cuma usaha seperti ini terdapat di bandar yang besar sahaja di mana kemudahan seperti bekalan air dan api letrik serta jalanraya yang baik telah dibuat. Pendekata, rakyat luar bandar walaupun ada minat untuk membeli rumah kos murah seperti ini sekarang masih lagi mendengar dan melihat apa yang telah dirasai oleh sahabat-sahabat mereka yang tinggal di sekitar bandar yang besar seperti Kuching, Sibul, Miri dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, saya ingin mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya memperluaskan lagi projek-projek pe-

rumahan kos rendah ke kawasan luar bandar di mana tapak tanah telah ada disediakan oleh Kerajaan seperti di kawasan saya yang telah lama ditunggu oleh bakal pembeli rumah-rumah itu seperti guru-guru sekolah dan kakitangan Kerajaan yang boleh disifatkan rakyat yang berpendapatan rendah. Saya yakin terutamanya agensi-agensi Kerajaan yang melaksanakan projek-projek perumahan kos rendah ini dapat memberi pertimbangan yang wajar supaya petani-petani dan nelayan-nelayan luar bandar juga diberi peluang membeli rumah kos rendah yang saya anggap boleh dibuat daripada kayu yang teguh dan terdapat di Negeri Sarawak sendiri yang berongkos sejumlah \$10,000 — \$15,000 bagi sebuah.

Saya berpendapat rumah-rumah papan atau kayu ini biarlah dibuat satu-satu atau sebiji biarpun kecil mengikut lot masing-masing tidak disambung sebagai rumah batu terrace house mahupun rumah kembar (semi-detached) sepertimana yang telah dibuat sekarang sebagai contohnya Sekim Rumah Rakyat di Petra Jaya, Kuching. Keadaan seperti ini bolehlah saya katakan sesuai dengan cara hidup rakyat di Negeri Sarawak di kawasan luar bandar di mana tanahnya tidak begitu mahal dan sempit. Ingin juga saya mengingatkan dan mengesyorkan kepada pihak yang bertanggungjawab sebelum satu-satu projek perumahan dibuat, umpamanya di daerah saya maka satu-satunya harus dibuat dengan teratur di kawasan yang berkenaan itu seperti padang permainan kanak-kanak dan kawasan untuk pasar, kedai kecil dan lain-lain lagi harus disediakan. Lebih penting ialah jalanraya yang baik serta bekalan air dan letrik. Ini telah terbukti di mana satu kampung yang diatur oleh Kerajaan sendiri beberapa tahun sudah seperti di Kampung Jerayah Petanak, Mukah tidak mendapat bekalan letrik walaupun hanya untuk menyambung wayer letrik ke kampung itu tidak lebih daripada 10 tiang atau lebih kurang suku batu sahaja daripada tempat bekalan letrik yang ada sekarang ini. Perkara seperti inilah yang menjadi satu tanda tanya rakyat, adakah Kementerian yang berkenaan berkehendak

rakyat membayar ongkos belanja, membayar harga tiang dan dawai-dawai letrik secara langsung kepada SESCO atau hanya belanja SESCO membuat segala tiang dan dawai di tepi jalan itu memang ditanggung oleh rakyat di semua negeri dalam Malaysia ini. Sekiranya perkara seumpama ini dibeban secara langsung kepada rakyat yang berkenaan saya rasa adalah berlawanan dengan segala prinsip rancangan pembangunan luar bandar untuk mengadakan kemudahan-kemudahan yang bertujuan memperbaiki taraf hidup rakyat di luar bandar di seluruh negara.

Kerajaan juga mungkin menyedari begitu ketinggalan rakyat luar bandar dalam segala lapangan pembangunan mengikut kehendak sosial. Dengan adanya terdapat kelemahan seperti inilah yang digunakan oleh anasiran-anasir subversif sebagai modal mengancam pihak Kerajaan dan juga mencari pengaruh di kalangan orang-orang kampung yang mudah disesatkan daripada apa yang sebenarnya. Saya berharap pihak yang berkenaan samada di peringkat Persekutuan atau Negeri memberi layanan yang boleh dikatakan adil untuk semua rakyat, baik di bandar ataupun luar bandar. Saya berharap juga kepada perbadanan yang berkenaan ini supaya menyelidiki keadaan pasar atau rumah kedai di Balingian yang sudah bongkok hampir jatuh ke bumi dan pasar Dalat yang sudah usang dan lapuk itu dibuat dari kayu lebih kurang 60-70 tahun sudah supaya dapat dibuat kedai atau pasar baru dengan memberi pinjaman kepada yang berkehendaknya. Jikalau kedai di kedua daerah yang saya sebut ini tidak diperbaiki atau dibuat baru satu pandangan yang tidak sihat itupun tidak dapat berubah dan ini juga boleh melemahkan imej kepada pihak Kerajaan.

Saya berharap atas teguran dan pandangan yang saya katakan ini adalah sebagai membina di mana satu-satu yang saya anggap mempunyai kelemahan dapat diatasi supaya pihak yang berkenaan tidak diancam sesuka hati oleh pihak yang tertentu. Saya berharap juga Kementerian ini dapat memberi pin-

jaman yang lebih banyak lagi pada tahun-tahun akan datang dengan faedah yang rendah supaya segala usaha Perbadanan Kemajuan Perusahaan Perumahan di Sarawak dapat diperbesar lagi bagi kepentingan rakyat yang kurang bernasib baik terutamanya rakyat di luar bandar Negeri Sarawak dengan tidak mengambil keuntungan yang berlebihan.

Akhir kata saya menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan ini.

5.25 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan yang telah diminta oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, sukalah saya mengesyorkan beberapa perkara yang pada pendapat saya untuk bertambah baik lagi.

Saya bercakap di bawah Kepala B. 15, Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (1) Pentadbiran dan Kewangan. Setahu saya di dalam Kementerian Perumahan telah diperuntukkan pinjaman dibolehkan kepada seseorang untuk membeli rumah dengan sebanyak \$20,000. Pada pendapat saya oleh disebabkan beberapa keadaan telah naik maka patutlah had itu juga dinaikkan kepada \$25,000 dengan faedah yang telah ditetapkan sepertimana masa yang lepas. Saya berkata begitu, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Kepala berapa Yang Berhormat?

Tuan Shaari bin Jusoh: Pentadbiran dan Kewangan. Saya berkata begitu kalaulah perkara ini dihadkan bolehlah orang-orang yang berpendapatan tidak begitu tinggi dapat juga membeli rumah yang agaknya lebih baik dan yang kedua setahu saya juga ada dalam rancangan yang telah disuarakan oleh Menteri yang berkenaan pinjaman telah diuntukkan \$300 kepada orang-orang yang dapat mendirikan rumah dengan syarat tanah itu ialah

tanah sendiri tetapi setahu saya rancangan ini tidak berjalan lagi. Kalaulah rancangan ini diperbetul sebagaimana biasa telah diura-urakan maka saya berpendapat rancangan ini amatlah baik dan faedahnya saya dapat tahu amatlah berpatutan iaitu 4½% dan saya berharap sangat rancangan ini dapat dijalankan dengan segera dan dijalankan oleh satu-satu badan yang difikirkan agak perlu oleh Kementerian yang berkenaan:

Tuan Pengerusi, saya bercakap dari segi pentadbiran. Kita dapat tahu dari segi perumahan ini boleh dikatakan bumiputra amatlah merosot tidak dapat membeli dengan harga rumah yang begitu tinggi walaupun ditetapkan oleh Kerajaan 30%. Dengan sebab itu saya mengesyorkan had yang ditetapkan oleh Kerajaan 30% ini mestilah diberikan juga kepada bumiputra walaupun bumiputra tidak dapat mengikhtirakan wang dengan syarat Kerajaan ataupun satu-satu badan mengambil alih tanah yang berkenaan. Saya berkata begitu, katalah satu tempat rancangan perumahan telah diadakan maka peruntukan kepada bumiputra sekian banyak telah ditawarkan sekian lama. Kita yakin dengan kadar yang telah dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dengan kos yang begitu tinggi tidak dapatlah bumiputra mengambil rumah yang berkenaan, lama-kelamaan pemaju perumahan itu berikhtiar diberikan juga kepada orang yang bumiputra dengan alasan kerana bumiputra tidak dapat memberi daripada kewangannya tidak dapat mencari sebagaimana kos yang dinyatakan tadi. Dengan sebab itulah saya syorkan adakan satu badan mengambil hak peruntukan untuk bumiputra itu bila satu keadaan yang boleh maka bumiputra mengambil balik dari badan-badan yang telah diambil ataupun yang telah memegang hak kepada peruntukan bumiputra itu.

Tuan Pengerusi, saya bercakap dari segi pengawasan dan penguatkuasa. Dari segi pelaksanaan perumahan saya dapati banyak yang berjalan kurang memuaskan terutama di Perlis. Salah satu daripada sebabnya sebagai-

mana saya katakan tadi ada pemaju-pemaju perumahan yang mereka telah mengambil wangnya dahulu sebelum mendirikan rumah dengan sekian syarat-syarat yang telah ditetapkan tetapi malangnya daripada tahun 1971 sampai ke hari ini ada satu tempat yang saya tidak mahu sebut, kurang manis pada pendapat saya, belum begitu siap, lama-kelamaan ditawarkan oleh perumahan itu dengan harga yang lebih tinggi. Apa hendak dikatakan, dikala itu kerana wang permulaan telah diberi, seperti kata orang "hendak tarik salah, hendak lepas pun salah", "telan mati emak, luah mati bapa", tidak ambil langsung, wang telah dikeluarkan, hendak ambil pun terlampau lama. Tetapi walau macam manapun, inilah kadang-kadang syarat-syarat ataupun pemaju-pemaju perumahan ini patutlah diawasi betul-betul oleh Kementerian yang berkenaan.

Begitu juga tanah, Tuan Pengerusi, saya berpendapat sebaik-baiknya tanah yang hendak dijalankan tempat perumahan ini biarlah tanah-tanah yang tidak ada tanaman di situ, seperti padi dan buah-buahan, kerana setakat hari ini kita juga hendak cari banyak tanah-tanah yang ada buah-buahan yang telah sedia ada. Dengan sebab itu kadang-kadang bila ada rancangan Kerajaan untuk mengambil tanah yang berkenaan terpaksa pihak tuan tanah tadi dijual kepada Kerajaan khasnya kalau Kerajaan yang akan mengambil tanah berkenaan. Saya harap walaupun kita akan buat perumahan tetapi sebolehnya biarlah tanah yang akan didirikan itu janganlah ambil tanah yang telah digunakan oleh petani-petani terutamanya atau oleh orang-orang yang miskin kerana hendak membuat berbagai-bagai rancangan perumahan.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Bercakap dari segi perlesenan, patut kita beri keutamaan kepada kaum bumiputra. Saya amat sedih. Setahu saya di negeri saya sendiri ada 3 rancangan perumahan yang telah ada hari ini. Kesemua rancangan perumahan

itu rancangan terbuka, tidak terhad kepada bumiputra. Dengan sebab itu ketiga-tiga rancangan itu tidak dapat langsung kepada bumiputra, sedangkan hari ini Kerajaan Timur Tengah telah menawarkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputra untuk mengambil peluang di Timur Tengah. Tak tahulah saya, kalau dalam negara sendiri, dalam negeri sendiri kadang-kadang peluang itu kita tak dapat ambil bagaimana pula kita hendak berlumba di negeri lain. Kalaulah ini berjaya, saya bersyukur kepada Tuhan, tetapi seperti kata orang, kalau di tempat sendiripun kita payah dan di tempat sendiri kita tidak boleh beri kepada orang kita sendiri, kita hendak suruh beri di tempat lain. Tak tahulah ada golongan kaum bumiputra yang tingkatan atas, tetapi kalau kaum bumiputra yang baru muncul tak dapatlah peluang kalau tak diberi keistimewaan sebagaimana yang saya katakan tadi. Dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada Kementerian yang berkenaan mengawasi betul-betul perkara ini.

Saya juga bercakap di bawah Kepala P. 15 berkenaan dengan Perumahan Awam Negeri-negeri, termasuk Negeri Perlis, Negeri Perlis agak kurang memuaskan sedikit tentang rancangan perumahan. Sebab saya katakan begitu, kos perumahan telah ditetapkan juga sebagaimana negeri lain, kalau tak silap saya \$7,500. Nampaknya Perlis ini segala-galanya perbelanjaan termahal sedikit tetapi yang murah agak saya simen, kerana kilang simen dekat di Perlis agak termurah sedikit, lain-lain termasuk besi dan segala-galanya mahal. Kalau boleh saya berharap Kementerian yang berkenaan mengkaji semula, seperti kata orang: lain padang lain belalang, lain tempat lain keadaan, agaknya Perlis ini haruslah keadaan perbelanjaan yang lain itu semuanya mahal sedikit, kalau ada yang murah sedikit pun ialah simen. Boleh juga dibuat oleh setengah pemaju perumahan tetapi boleh jadi kalau satu benda yang dihadkan itu tidak berpadanan dengan harga, harus kalau tidak diawasi betul-betul rumah yang kita kehendaki itu haruslah tak sampai had yang ditentukan, berlakulah sebagaimana kata Ahli Yang Ber-

hormat dari Sungei Petani tadi, roboh dan bocor tak sempat hendak duduk lama. Dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan akan mengawasi perkara ini dengan betul-betul.

Yang kedua mengenai perumahan. Kalau boleh kita banyakkan sedikit alat-alat atau bahan-bahan daripada kayu, jangan banyak sangat daripada simen, besi dan sebagainya kerana ini menambahkan harga yang lebih mahal. Dengan sebab itu saya yakin pihak Kerajaan atau pihak Kementerian yang berkenaan bolehlah menjadikan kos rumah itu dengan harga yang murah.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya berpendapat patutlah juga dalam segi perumahan ini diadakan insuran. Setahu saya kalau tidak silap cuma diadakan insuran nyawa atau insuran perumahan sahaja. Tidak lengkap segala-galanya. Dengan sebab itu saya berharap sangat kalaulah Kementerian yang berkenaan melengkapkan segala-galanya kepada tiap-tiap rumah tadi dan kalau ada apa-apa berlaku sekalipun kepada rumah tadi ataupun orang-orang yang dapat rumah mendapat bahagian balik, kalau rumahnya terbakar atau sebagainya. Janganlah jadi sebagaimana mereka bersusah payah untuk mendapatkan rumah apabila rumah terbakar dan sebagainya, maka mereka ini terpaksa tinggal dengan begitu sahaja. Dengan sebab itu sekali lagi saya menyokong peruntukan yang diminta dan saya berharap sangat dan saya merayu juga sebagaimana yang disuarakan oleh kawan-kawan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi biarlah rancangan perumahan ini kalau boleh banyakkan rumah, biarlah rumah itu berharga murah, kerana jangan menjadi macam sekarang banyak rumah yang dibuat, orang yang ada rumah juga yang hendak beli rumah kerana rumah itu standard atau tarafnya terlampau tinggi, yang berumah bertambah dapat rumah, yang tak ada rumah begitulah tak dapat sampai bila-bila.

Saya harap kepada Timbalan Menteri yang baik budi yang datang juga daripada luar

bandar yang bertimbang rasa akan mengawasi perkara ini betul-betul supaya problem perumahan ini dapat diatasi dengan serta-merta.

5.36 ptg.

Tuan Oh Keng Seng (Petaling): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit dalam B. 15, Butiran 1100, Aktiviti (2) — Perancangan dan Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan apa perancangan telah diadakan dalam Kemajuan Perkampungan. Adakah rancangan untuk memodenkan kampung-kampung baru di negara kita? Adakah rancangan untuk meluaskan kawasan di kampung-kampung baru? Adakah rancangan untuk menaikkan taraf kehidupan penduduk-penduduk di kampung baru? Saya boleh katakan di sini langsung tidak ada rancangan (planning) untuk memoden, untuk meluaskan atau untuk menaikkan taraf kehidupan 2 juta penduduk-penduduk dalam 466 buah kampung-kampung baru di negara kita. Sebab itu kita boleh nampak keadaan di kampung-kampung baru sekarang sangat teruk, tidak memuaskan dan kita boleh lihat lagi peruntukan untuk projek-projek kecil di kampung baru hanya \$4 juta sahaja. Ini memang tidak cukup dan ini bukan satu perancangan mahu mengatasi masalah-masalah yang dihadapi sekarang di kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi, apa yang dijalankan sekarang oleh Kementerian ialah seperti baju kita telah koyak, kita hanya menampal baju sahaja. Kepala sakit, kita hanya ubat kepala; kaki sakit, kita ubat kaki sahaja.

Tuan Pengerusi: Takkan kepala sakit, ubat kaki pula. (*Ketawa*)

Tuan Oh Keng Seng: Ya. Tetapi kita mesti siasat dengan detail dan sebaik-baiknya keadaan di mana kita patut mahu memajukan keadaan di kampung-kampung baru.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya misalnya di Kampung Baru Serdang Baru,

banyak masalah kehidupan yang dihadapi, seperti masalah tanah, jalan, longkang, bekalan elektrik, cukai pintu (assessment) ada berlaku. Tetapi masalah ini tidak ada orang komplek, tidak ada orang jaga, tidak ada orang siasat komplek-komplek itu. Sungguhpun ada sebuah local council tetapi local council itu bukan sebuah local council yang dipilih oleh rakyat jelata, maka councillors tidak bertanggungjawab atas masalah yang dihadapi oleh penduduk Kampung Baru Serdang Baru dan juga kepada Kampung Baru Puchong, Batu 14, kawasan saya.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bercakap di bawah tajuk mana?

Tuan Oh Keng Seng: Butiran 1100, Aktiviti (2) — Planning and Village Development. Di kawasan Puchong Batu 14, masalah bekalan api, bekala air, masalah hak milik tanah dan sebagainya sedang berlaku dan telah beberapa kali saya ada bangkitkan perkara ini kepada Kementerian tetapi langsung tidak ada tindakan dan siasatan tentang perkara ini. Apakah yang telah jadi. Saya fikir barangkali ada "communication breakdown" tidak ada orang menjaga masalah kampung baru. Saya harap Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan bukan sahaja menjadi satu "Santa Claus" bagi wang sahaja. Bila Menteri melawat kawasan kampung-kampung baru beliau patutlah supervise dan juga mengadakan koordinasi atas masalah yang dihadapi dalam kampung baru. Ini sangat penting. Jika hanya bagi wang sahaja tidak ada orang supervise projek-projek kecil boleh jadi peruntukan wang itu bukan untuk membina jalan atau projek-projek kecil, barangkali wang itu masuk dalam poket kontrektor atau poket pegawai-pegawai atau local councillors yang bertanggungjawab. Saya jemput Menteri atau Timbalan Menteri berkenaan melawat kawasan Puchong Batu 14 di mana saya dapat tahu peruntukan sebanyak \$100,000 telah dibelanjakan untuk memperbaiki jalan-jalan kampung baru. Jadi peruntukan sebanyak itu tidak betul-betul digunakan kerana tidak ada orang mengawal projek itu. Projek jalan itu

tidak memuaskan dan barangkali baru sahaja projek jalan itu dijalankan.

Tuan Pengerusi, di Kampung Baru Kantan Baru, Kuala Kuang dan juga Tanah Hitam, Perak ada berlaku sekarang ini curfew di mana penduduk-penduduk dihalang keluar rumah apabila waktu malam. Adakah Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan memberi pertolongan kepada penduduk-penduduk berkenaan di kawasan itu. Mereka ada komplek tentang kesusahan mendapatkan "curfew permit" untuk mereka menjalankan tugas penghidupan mereka. Pihak Polis mahu mereka menunjukkan hak milik tanah iaitu salah satu cara untuk mengeluarkan curfew permit. Bukanlah semua orang mempunyai hakmilik tanah. Orang-orang yang ada hakmilik tanah boleh dapat curfew pass dengan senang tetapi orang biasa, orang yang berpendapatan rendah seperti petani, mereka tidak ada peluang meminta permit itu. Saya harap Kementerian Perumahan dan Perkampungan patutlah menghantar seorang pegawai ke kawasan itu untuk menolong penduduk-penduduk meminta curfew permit dan mengurangkan masalah yang dihadapi oleh mereka sekarang sebab curfew. Inilah tugas Kementerian Perumahan dan Perkampungan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perumahan dan Perkampungan ada mendapat peruntukan \$10 juta untuk Revolving Fund bagi pinjaman untuk orang ramai khasnya penduduk-penduduk di kampung-kampung baru. Saya suka komen di sini sungguhpun kita ada \$10 juta Revolving Fund tetapi malangnya publicity kepada penduduk di kampung-kampung baru adalah kurang, akibatnya banyak orang tidak tahu mana tempat boleh mohon atau minta borang untuk memohon pinjaman. Saya cadangkan di sini supaya borang-borang permintaan pinjaman itu patutlah diberikan kepada Pejabat Tanah atau Majlis Tempatan supaya penduduk-penduduk di kampung-kampung baru dapat peluang memohon pinjaman dari Kemen-

terian Perumahan. Hanya lebih kurang 100 orang yang meminta pinjaman dari Kementerian ini. Ini membuktikan publicity tidak cukup dan membuktikan orang-orang dari parti politik seperti MCA dan UMNO sahaja mendapat peluang meminta pinjaman dari Kementerian. Kalau borang-borang ada disampaikan di Land Office dan tempat-tempat yang dekat, saya boleh katakan \$10 juta Revolving Fund itu tidak cukup untuk pinjaman kepada penduduk-penduduk kampung baru.

Tuan Pengerusi, dalam masalah perumahan, saya hendak bangkitkan dalam P. 15 — Perumahan di mana \$119 juta telah diperuntukkan. Sungguhpun Kerajaan ada memperuntukkan sebanyak \$86 juta untuk perumahan awam negeri-negeri, di sini saya suka menyatakan kepada Menteri apakah supervision atau co-ordination yang telah dibuat berhubung dengan tiap-tiap negeri tentang perumahan. Misalnya di Negeri Selangor perumahan yang dijalankan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor boleh dikatakan tidak memuaskan. Banyak projek-projek perumahan telah gagal, kontraktor lari, perumahan tidak dibina dalam masa yang dijadualkan dan juga harga rumah-rumah sangat mahal yang dijalankan oleh PKNS. Rumah-rumah yang berharga \$60,000 ada dibuat oleh PKNS. Apakah tujuannya PKNS membuat rumah yang sangat mahal di kawasan Sungei Way — Subang yang berharga \$60,000? Sepatutnya wang peruntukan untuk tiap-tiap negeri itu dibina rumah awam kos rendah bukan untuk orang kaya. Kalau orang kaya, mereka tidak mahu membeli rumah dari PKNS, mereka beli rumah dari pihak swasta, design pun baik, material pun baik. Saya harap Kementerian Perumahan patut siasat dan mengawal prektis-prektis yang tidak betul.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Kerajaan ada umumkan bahawa EPF akan memberi pinjaman kepada orang-orang dan juga pencarum-pencarum EPF. Pengumuman ini

sangat baik diumumkan oleh Menteri Kewangan tahun dahulu, tetapi sehingga sekarang kita hanya dengar sahaja dengan tiada apa-apa tindakan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini tentang bukti-bukti, detail-detail atas pinjaman itu? Banyak orang ada bertanya tentang perkara pinjaman tetapi malangnya hingga sekarang kita tiada mendengar apa-apa pengumuman mengenai detail-detail atas perkara itu. Saya harap Menteri boleh beri penjelasan atas perkara ini.

Tuan Pengerusi: Pinjaman itu tiada dalam peruntukan ini.

Tuan Oh Keng Seng: Sungguhpun tiada dalam peruntukan tetapi saya rasa ini ada berkaitan.

Tuan Pengerusi: Berkaitannya banyak. Ini mengenai Kepala P. 15 sahaja.

Tuan Oh Keng Seng: Sebab kita berada dalam Jawatankuasa boleh membincangkan secara details.

Tuan Pengerusi: Secara details satu-satu mengikut tajuk ini. Sayapun sudah biarkan tadi lama sedikit.

Tuan Oh Keng Seng: Ya, terima kasih. Tuan Pengerusi, oleh kerana masalah perumahan sangat luas dan sangat serius dalam negara kita maka ada banyak sendiket-sendiket tanah yang mencari peluang untuk menipu orang ramai. Ini ada berlaku di mana-mana negeri dan juga ada berlaku di kawasan saya juga, di kawasan Puchong, Batu 9 di mana ada satu sendiket tanah yang menipu orang ramai. Mereka jual tanah kepada orang-orang yang berpendapatan rendah, sungguhpun tanah itu bukan kepunyaan mereka, tanah itu adalah tanah Kerajaan Negeri (State Land) atau tanah lombong yang tidak digunakan. Sendiket itu menjualkan tanah antara \$4,000-\$7,000 satu lot. Ini ada berlaku di kawasan Puchong, Batu 9. Saya harap Menteri boleh mengambil tindakan

tentang orang-orang yang tidak bertanggungjawab mengenai orang-orang yang ada di dalam sendiket itu. Mereka dapat sokongan, mereka berani berbuat demikian oleh kerana mereka ada orang belakang yang kuat, ada kuasa, ada political power yang menyokong mereka.

Tuan Pengerusi, baharu-baharu ini lima buah rumah telah dirobuhkan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu berucap di bawah Kepala mana?

Tuan Pengerusi: Pecahan-kepala mana?

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, ini di bawah kepala P. 15 — Kemajuan Perkampungan, muka surat 94.

Tuan Pengerusi: Muka surat 94 ialah Sarawak dengan Sabah. Mana ada Puchong?

Tuan Oh Keng Seng: Kemajuan Perkampungan, \$4 juta telah diperuntukkan.

Tuan Pengerusi: Mana dia ini?

Tuan Oh Keng Seng: Kepala P. 15.

Tuan Pengerusi: Di bawah tajuk berapa?

Tuan Oh Keng Seng: Muka 94.

Tuan Pengerusi: Kemajuan Perkampungan?

Tuan Oh Keng Seng: Ya, Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi: Bolehlah bercakap lagi sedikit.

Tuan Oh Keng Seng: Tuan Pengerusi, sindiket itu berani berbuat demikian oleh kerana mereka mendapat sokongan oleh parti-parti politik bukan DAP. Saya harap Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat

Timbalan Menteri yang bertanggungjawab mengambil tindakan yang berat, yang serius di atas perkara itu supaya orang-orang miskin yang tidak tahu dan tidak faham undang-undang tidak dapat ditipu oleh sindiket itu.

Tuan Pengerusi, di kawasan Serdang Baru di mana ada satu private developer menjalankan projek perumahan awam kos rendah di tanah lombong yang tidak digunakan, tanah itu adalah tanah state tetapi developer itu sendiri menjalankan projek perumahan di tanah tersebut tanpa mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri. Tanah itu sekarang ini adalah digunakan orang untuk menanam buah-buahan dan juga memelihara ikan di kolam tersebut. Saya telahpun membuat satu laporan dan menyuruh penduduk-penduduk yang terlibat membuat laporan kepada pihak polis dan juga surat-surat telahpun dihantar kepada Pegawai Daerah tetapi malangnya pihak polis berkata bahawa hal ini adalah hal sendiri, pihak polis tidak boleh mengambil tindakan dan pihak Pegawai Daerah pun tidak mengambil apa-apa tindakan menghalang developer itu supaya jangan merobohkan rumah-rumah dan juga pokok buah-buahan yang ditanam di kawasan itu. Tuan Pengerusi, perkara ini Yang Berhormat Menteri sendiri pun telah faham dan tahu, maka saya berharap Kementerian mengambil tindakan terhadap private developer yang tidak mengikut undang-undang dan memberi kesusahan kepada penduduk-penduduk di kawasan Serdang Baru.

Tuan Pengerusi: Sudah habis?

Tuan Oh Keng Seng: Ada sedikit lagi. Tuan Pengerusi, akhirnya saya hendak membawa satu perkara iaitu Kampung Bahru Michael Chen di kawasan saya.

Tuan Pengerusi: Itu di bawah tajuk mana?

Tuan Oh Keng Seng: Ini pun di bawah tajuk Kemajuan Perkampungan.

Tuan Pengerusi: Apa kemajuannya?

Tuan Oh Keng Seng: Tidak ada kemajuan langsung (*Ketawa*). Ini Kampung Baru Michael Chen.

Tuan Pengerusi: Saya ingat perkara Kampung Bahru Michael Chen ini sudah ditimbulkan pada mesyuarat Belanjawan tahun lalu, tidak diakui oleh pihak Kementerian.

Tuan Oh Keng Seng: Malangnya perkara itu tidak ada dalam Jadual Kementerian.

Tuan Pengerusi: Tentulah! Taruh nama dia sahaja. Dia tidak diakui oleh Kementerian, saya ingat lagi sebab saya yang mempengerusikan mesyuarat ketika ditimbulkan perkara itu tahun lepas.

Tuan Oh Keng Seng: Ini pun satu masaalah yang patut.

Tuan Pengerusi: Mengenai perkara itu eloklah Yang Berhormat berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri, lebih senang. Tak usahlah bercakap lagi mengenai perkara itu sebab sudah dicakapkan dahulu. Saya masih ingat, jangan fikir saya lupa!

Tuan Oh Keng Seng: Baiklah, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Berjumpalah dengan Yang Berhormat Menteri sahaja.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.07 ptg.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun berucap dan sudi memberi pandangan-pandangan, cadangan-cadangan yang membina dan juga membahaskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 1978 mengenai Kementerian saya. Tahun dahulu angka Ahli-ahli Dewan Rakyat 13 orang yang telah bercakap dan tahun ini pun 13 orang yang mengambil bahagian, oleh itu, Tuan

Pengerusi, saya akan memberi jawapan sedekadar mana yang dapat dicatitkan di sini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya mana-mana yang tidak dijawab, saya akan ambil perhatian.

Mula-mula sekali saya suka menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, saya tidak dapat pastikan masaalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu ulasan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan mengenai soal setinggan, itu mungkin telah disalah ertikan oleh Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri itu tidak bermaksud untuk memberi galakan kepada setinggan menyalahgunakan tanah-tanah Kerajaan. Apa yang beliau maksudkan ialah supaya daya usaha dan daya cipta golongan apa yang disebutkan sebagai masyarakat setinggan itu digembelangkan secara positif. Perkara seperti ini perlu diteliti secara mendalam. Menyedari perkara itu maka satu kajian menyeluruh akan dilaksanakan oleh satu badan perunding antarabangsa dan bagi maksud kajian itu bantuan daripada bank dunia akan diperolehi. Dan dengan izin Tuhan kajian tersebut akan dilaksanakan mulai awal tahun hadapan. Walaupun hasil kajian itu akan membantu Kementerian saya dari aspek perumahan untuk golongan berpendapatan rendah, kajian lanjutan yang berupa banci perumahan seluruh negara akan juga menjadi perlu. Banci seperti itu akan diadakan seperti yang dijalankan dalam tahun 1970 dahulu. Sehingga banci perumahan negara itu diadakan kelak Kementerian saya terpaksa menggunakan angka-angka projection daripada banci perumahan tahun 1970.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor juga ada menyentuh bahawa ada dua baris rumah teres didirikan di Kampung Baru Sungei Way tanpa plan dan tidak ada kemudahan-kemudahan seperti air dan elektrik dan satu lagi panggung wayang didirikan mungkin tidak ada certificate of fitness belum ada di kampung itu juga. Tuan Pengerusi, ini

bukan di dalam kawalan Kementerian saya, perkara ini sepatutnya dirujuk kepada Kementerian Kerajaan Tempatan dan wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan saya kemukakan kepada Kementerian yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat itu juga berhubung dengan soal kampung baru dan setinggan dan ini adalah satu perkara yang banyak Ahli-ahli Yang Berhormat berucap dalam Dewan yang mulia ini. Dalam mengatasi masaalah setinggan yang wujud di Wilayah Persekutuan dan di bandar-bandar besar yang lain, Kerajaan menghadapi masaalah mendapatkan tanah atau tapak yang diduduki oleh setinggan tersebut bagi maksud pembinaan projek-projek perumahan awam kos rendah. Di samping itu masaalah jenis tanah itu sendiri yang tidak sesuai ataupun mengambil masa yang panjang dan kos yang terlalu banyak sebelum dapat dijadikan tapak perumahan seperti bekas tapak lombong dan lain-lain. Walau apapun jenis sistem pembinaan atau jentera pembangunan yang hendak digunakan oleh Kerajaan untuk mempercepat pelaksanaan projek-projek perumahan Kerajaan, tetapi masaalah jangka masa dari tarikh kelulusan sesuatu projek kepada tarikh pembinaan dapat dimulakan masih tidak dapat dikurangkan secara drastic oleh kerana masaalah tersebut di atas. Di samping melaksanakan projek perumahan yang ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan projek yang bercorak transitional housing untuk menempatkan setinggan-setinggan ini. Dengan itu bukanlah pihak Kerajaan menunjukkan kurang minat atau berusaha untuk memperkuat jentera-jentera pelaksanaan pembinaan. Pihak Kerajaan telah bersungguh-sungguh berusaha untuk melaksanakan projek perumahan melalui ajensi-ajensinya seperti PKEN, UDA, SPPK, FELDA, FELCRA dan lain-lain di samping galakan-galakan kepada pemaju-pemaju swasta. Dan di samping itu juga untuk makluman kepada Ahli-ahli Yang Berhormat

yang menyentuh soal setinggan, sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Jabatan Perdana Menteri iaitu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedang juga mengkaji dengan teliti dan Jawatankuasa itu akan membuat laporan-laporannya bagi mengatasi masaalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Petani. Saya sedar bahawa keperluan perumahan di Wilayah Persekutuan adalah besar. Walaupun peruntukan yang diperolehi bagi tahun 1978 itu tidak begitu besar saya suka menjelaskan bahawa ianya adalah berasaskan keupayaan jentera pembangunan serta sejauh mana tapak-tapak tanah untuk projek perumahan Dewan Bandaraya itu dapat disediakan dengan secepat-cepatnya. Sayugia diingatkan bahawa Dewan Bandaraya terpaksa menggunakan tanah-tanah Kerajaan untuk mengurangkan kos pembinaan tanah-tanah tersebut lazimnya diduduki oleh setinggan-setinggan atau dari bekas-bekas tanah lombong dan tanah lombong-lombong.

Ahli Yang Berhormat dari Sungei Petani juga ada menyentuh berkenaan dengan rumah-rumah yang tidak baik di Sungei Layar, Sungei Petani, saya tidak tahu projek mana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat yang dikatakan sebahagian daripada telah dirobohkan oleh ribut bagi projek-projek yang dibiayai dari peruntukan Kementerian. Adalah dimaklumkan bahawa projek-projek itu masih belum siap, oleh itu haraplah Ahli Yang Berhormat itu dapat mengemukakan maklumat lanjut kepada Kementerian saya pada masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat berkata Kelantan tidak cukup peruntukan kakitangan perumahan, badan-badan dan berkemampuan.

Tuan Pengerusi, Kementeian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan sedar akan ke-

upaya yang terhad pihak Negeri Kelantan dalam hal ini, maka itulah sebabnya kita tubuhkan sebuah Jabatan Perumahan Negara tempoh hari. Cawangan Jabatan Perumahan Negara telahpun ditubuhkan lebih kurang empat bulan yang lalu di Kota Bharu. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat Wakil Rakyat yang berkenaan semua projek-projek perumahan awam di Negeri Kelantan adalah dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara. Jadi di Negeri Kelantan adalah 100% Jabatan Perumahan Negara melaksanakan perumahan awam kos rendah. Memandangkan bahawa pentadbiran negeri tidak mempunyai keupayaan melaksanakan projek seperti itu dalam masa yang lalu setakat ini, oleh itu projek-projek perumahan di Negeri Kelantan dilaksanakan oleh Jabatan Perumahan Negara manakala dua buah projek lagi adalah sedang di dalam urusan.

Tuan Pengerusi, projek-projek yang sedang dilaksanakan di Kampung Sireh 144 yunit, 72 yunit Bachok, 57 yunit manakala projek-projek yang sedang diuruskan oleh Jabatan Perumahan Negara 98 yunit di Pengkala Chepa 426 yunit dan Jabatan Perumahan Negara sanggup menjalankan lebih banyak projek-projek yang dikehendaki oleh Negeri Kelantan dengan syarat tanah-tanah itu dapat disediakan. Dan begitu jugalah saya menerangkan yang mana saya catitkan di sini apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tumpat itu iaitu mengenai di Negeri Kelantan semua sekali ada 719 yunit di Kampung Sireh sebagaimana yang saya sebutkan tadi, dan Bachok 57 yunit rumah teres dan juga 98 yunit rumah kayu sesebuah, di Pengkala Chepa 426 yunit rumah teres. Tender akan dipanggil dalam bulan Disember ini juga.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan masaalah Kampung-kampung Baru Yang Berhormat dari Tumpat juga sebut iaitu mengenai dengan masaalah-masaalahnya, saya telah katakan tadi yang mana sama dengan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, suka saya maklumkan dalam Dewan yang mulia

ini, bahawa mengikut perbekalan Perlembagaan negara kita tanggungjawab menyediakan perumahan adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri melainkan di Wilayah Persekutuan. Kementerian saya membantu mereka dalam menyediakan peruntukan yang diperlukan oleh mereka di samping membekalkan bantuan teknikal kepada negeri-negeri yang memerlukan bantuan tersebut daripada Jabatan Perumahan Negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu perlu saya terangkan bahawa ajen-ajen pelaksanaan bagi pembinaan rumah-rumah awam kos rendah bagi semua negeri-negeri bolehlah dibahagikan seperti berikut:

- (1) Jabatan Perumahan Negara;
- (2) Jabatan Kerjaraya Negeri;
- (3) Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri;
- (4) Suruhanjaya Perumahan dan Pembangunan Negeri.

Sungguhpun Jabatan Perumahan Negara telah ditugaskan untuk membantu semua negeri-negeri dalam melaksanakan projek-projek perumahan awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi setakat ini hanya negeri-negeri yang berikut sahaja menggunakan perkhidmatan tersebut. Suka saya maklumkan negeri-negeri yang berikut iaitu Negeri Johor, Negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu dan Negeri Perak dan Yunit-yunit yang disediakan oleh negeri itu 3,367 yunit di Johor, Kedah 994 yunit, Perlis 909 yunit, Kelantan 719 yunit, Trengganu 846 yunit, Perak 782 yunit.

Di antara negeri-negeri yang menggunakan perkhidmatan Jabatan Perumahan Negara hanya Negeri Kelantan sahaja yang menggunakannya 100%. Negeri-negeri lain adalah dibantu oleh agensi-agensi peringkat negeri seperti JKR dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri masing-masing dan keadaannya adalah seperti berikut:—

- (1) *Jabatan Perumahan Negara*
Johor, Kedah, Perlis, Kelantan,
Trengganu dan Perak.

- (2) *Jabatan Kerjaraya*
Pulau Pinang, Perlis, Selangor dan Perak.
- (3) *Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri*
Kedah, Perlis, Perak, Negri Sembilan, Pahang, Trengganu, Johor, Melaka dan Selangor.
- (4) *Suruhanjaya Perumahan*
Sabah dan Sarawak.
- (5) *Yunit Khas*
Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, daripada keterangan yang di atas tadi, Yang Berhormat dari Ulu Nerus bolehlah memahami bahawa masalah yang beliau sebutkan itu tidaklah begitu rumit, mungkin beliau telah membahaskan soal ini daripada keadaan tahun lalu. Saya suka menyatakan bahawa kerjasama dan fahaman yang sewajarnya telah terjalin di antara Jabatan Perumahan Negara dan Kerajaan Negeri Trengganu maka itulah sebabnya jabatan tersebut akan membina 845 yunit rumah kos rendah bagi pihak Kerajaan Negeri.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Ulu Nerus mengenai tanggungjawab pemaju perumahan swasta, itu memang sudah diketahui. Yang sebenarnya pihak Kementerian ada memberi penerangan kepada pemaju-pemaju di dalam perjumpaan-perjumpaan dan working session dengan mereka yang berkehendakkannya. Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa sedia memberi khidmat nasihat kepada pemaju-pemaju dalam soal ini seperti lain-lain usaha untuk meningkatkan fahaman dan pengertian yang diperlukan ialah sikap tanggungjawab, dan keinginan menambah ilmu pengetahuan pihak yang terlibat iaitu pemaju-pemaju itu sendiri. Saya berharap golongan tersebut dapat menghubungi Kementerian saya agar dapat diaturkan mesyuarat-mesyuarat tertentu untuk maksud itu.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana

kata-kata aluan dan peransang beliau tadi. Instituti Penyelidikan Perumahan yang dicadangkan itu adalah satu perkembangan yang perlu dari segi pembangunan keseluruhan dan bukan hanya dari segi perumahan sahaja. Dia akan melibatkan masalah mengenai perkampungan dan tempat tinggal bagi rakyat jelata. Ia juga akan meneliti soal-soal yang berkaitan dengan ekonomi, teknikal, pengurusan dan sosial. Dengan itu dia perlu dirancang dengan teliti supaya bidang tugasnya tidak terlalu meluas hinggalah tidak dapat bergerak cergas dan tidak terlalu terhad hingga tidak memberi kesan yang menafaat. Oleh yang demikian, Kementerian saya sedang mengambil dua langkah yang positif untuk menjalankan Instituti Penyelidikan seperti itu; pertama, satu jawatankuasa mengandungi pegawai-pegawai dan pakar-pakar telah ditubuhkan untuk menentukan bidang tugas Institusi Penyelidikan itu. Kedua, Kementerian saya telah meneliti tempat-tempat yang sesuai untuk dijadikan tempat tapak pembangunan Institusi tersebut yang akan mempunyai satu kawasan di mana rumah-rumah contoh (prototype houses) akan dipamerkan serta dipraktikkan kegunaannya.

Tuan Pengerusi, sebagai Institusi-institusi Penyelidikan yang lain, perkara yang menjadi masalah terkemuka ialah mencari pegawai-pegawai iktisad untuk pusat tersebut. Walaupun usaha itu sedang diuruskan saya jangka kita akan mengalami masalah yang berpanjangan mengenai soal expertise ini. Sebagai langkah permulaan Kementerian saya telah mengujudkan satu bahagian penyelidikan teknik di bawah Jabatan Perumahan Negara dan bahagian tersebut adalah menjalankan tugas sebagai forerunner kepada Instituti Penyelidikan Perumahan itu. Dan....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada lima minit lagi, kalau hendak luluskan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Yang Berhormat hari ini.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Ya, Tuan Pengerusi, mengenai teguran Ahli Yang Ber-

hormat dari Sungei Siput dimaklumkan bahawa garis-garis panduan memberi pembahagian rumah-rumah awam kos rendah telah disediakan oleh Kementerian untuk Kerajaan-kerajaan Negeri di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk melaksanakan projek perumahan kos rendah masing-masing. Pembahagian rumah untuk kalangan yang berpendapatan rendah tidak ditujukan khas kepada mana-mana pihak. Bagi menjalankan objektif dan Dasar Ekonomi Baru tersebut, usaha-usaha menghasilkan penyusunan semula masyarakat demi perpaduan negara dalam usaha tersebut ada di antara orang-orang yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Siput itu yang telah mendapat nikmat daripada rancangan rumah kos rendah ada juga di antara mereka yang telah menikmati peluang yang disediakan oleh Kerajaan menerusi sekim-sekim pinjaman dan perumahan yang dikendalikan oleh syarikat perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan serta oleh pihak MBSB.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar menimbulkan masalah mengenai perluasan kampung-kampung baru telah saya ulas di mana saya membentangkan anggaran itu tadi iaitu usaha memperluas atau memodenkan kehidupan di kampung-kampung baru adalah sedang dilaksanakan secara menyeluruh. Dan yang pentingnya berkenaan dengan masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu pertelingkahan di antara pemaju-pemaju perumahan dengan pembeli-pembeli perumahan iaitu syarat-syarat perjanjian dan sebagainya. Tuan Pengerusi, sukalah saya maklumkan khasnya kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar mengenai hal yang telah dibayangkan untuk mengadakan penal dan sebagainya.

Sukacitalah saya menjelaskan di sini bagi menjawab mengenai perkara itu iaitu jika pertelingkahan melibatkan syarat-syarat di dalam kontrak jualbeli kita tidak campurtangan secara direct kerana kemungkinan melanggar tujuan spirit Akta dan faedah mengawal dan

melesen pemaju-pemaju perumahan. Kita meneliti issue pertelingkahan itu dari segi samada pemaju berlesen itu bertanggungjawab sebagai seorang pelesen yang mempunyai tugas sebagai yang ditetapkan di bawah Seksyen 7 — duty of developers, atau tidak. Langkah pentadbiran yang diambil bagi menentukan soal tanggungjawab atau sebaliknya. Itu adalah dengan Pengawal Perumahan mengadakan inquiry yang tertentu. Menerusi cara inquiry ini pihak pembeli dan pemaju diberitahu tentang tanggungjawab dan hak masing-masing. Andainya ada salah faham yang menyebabkan pertelingkahan itu, inquiry itu boleh memberi peluang kedua-dua bertolak-ansur. Jika pihak pemaju telah mengambil kesempatan maka pengawal perumahan berhak memberi petunjuk menurut bekalan undang-undang tersebut. Andainya tidak ada apa-apa jalan yang boleh didapati usaha menyelesaikan secara mereka berdua, jalan yang terbuka adalah salah seorang dari mereka itu membawa kesnya ke mahkamah. Dari pengalaman Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan cara inquiry itu adalah sebagai satu perkhidmatan Kementerian, ada beberapa kes yang dapat diselesaikan di luar mahkamah. Per-

kara ini dapat diketahui umum, tetapi dirasakan kesannya oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang telah mengemukakan teguran, saya ambil ingatan dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Masalahan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,850,700 untuk Kepala B. 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$136,420,435 untuk Kepala P. 15 disetujukan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, 29.11.77.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.